

Jilid V
No. 30



Hari Ithnin
27hb Januari, 1969

PERBAHATHAN PARLIMEN DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KELIMA

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
4601]**

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1969—

Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Ketujuh)—

Kepala B. 27 [Ruangan 4613]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KELIMA

Penyata Rasmi

Hari Ithnin, 27hb Januari, 1969

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sukan, ENKGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

Yang Berhormat TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).

„ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T.
(Kuala Trengganu Utara).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).

„ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).

„ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

„ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).

„ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).

„ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).

„ DATO' SYED ESA BIN ALWEE, D.P.M.J., J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).

„ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

„ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).

„ WAN HASSAN BIN WAN DAUD, J.P. (Tumpat).

„ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Parit).

„ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).

„ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K.
(Kota Bharu Hulu).

„ TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

„ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).

„ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).

„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ DR MOHAMED BIN TAIB (Kuantan).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).

- Yang Berhormat **TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.**
(Jelebu-Jempol).
- „ **TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.**
(Kuala Langat).
- „ **TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).**
- „ **TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).**
- „ **WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).**
- „ **TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).**
- „ **TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH**
(Pasir Mas Hilir).
- „ **TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR,**
A.B.S. (Sarawak).
- „ **TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).**
- „ **DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N.,**
J.P. (Sabak Bernam).
- „ **TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).**
- Yang Berbahagia **TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K.,**
P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- Yang Berhormat **TUAN NG FAH YAM, J.P. (Batu Gajah).**
- „ **TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).**
- „ **TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).**
- „ **TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.**
(Johor Bahru Barat).
- „ **TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).**
- „ **TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.**
(Rembau-Tampin).
- „ **RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).**
- „ **TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).**
- „ **TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).**
- „ **TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).**
- „ **TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).**
- „ **TUAN SULAIMAN BIN ALI (Dungun).**
- „ **TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).**
- „ **TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).**
- „ **TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim-Bandar Bharu).**
- „ **TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).**
- „ **DR TAN CHEE KHOON (Batu).**
- „ **TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).**
- „ **TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).**
- „ **TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).**
- „ **TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).**
- „ **TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).**
- „ **TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD (Pasir Mas Hulu).**
- „ **TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).**

YANG TIADA HADHIR :

- Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom,
Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).
- „ Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN
(Kuala Pilah).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI
ABDUL HAMID KHAN BIN SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P.
(Batang Padang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan,
TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI
TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K.
(Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI
MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Sabah,
DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID
BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN,
A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).
- „ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,
S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S.
(Sarawak).

„ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).

„ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

„ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).

„ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Pasir Puteh).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.
(Sabah).

Yang Berhormat TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

„ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

„ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ TUAN TAN TSAK YU, P.B.S. (Sarawak).

„ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA.

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Meshuarat)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

RUNDINGAN DAMAI PARIS DI-ANTARA VIETNAM UTARA DENGAN AMERIKA SHARIKAT— DASAR LUAR MALAYSIA

1. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara) bertanya kepada Menteri Luar Negeri (a) ada-kah Rundingan Damai

Paris di-antara Vietnam Utara dengan Amerika Sharikat akan memberi kesan kepada dasar luar Malaysia; (b) adakah Rundingan Damai itu akan memberi kesan kepada pertahanan negeri ini sa-lepas pengundoran tentera Amerika dari rantau itu.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan di-sini bahawa Malaysia ada-lah menyambut baik perdamaian di-mana² juga dan terlebih lagi di-Vietnam di-mana penduduk²nya telah menderita kesusahan selama 20 tahun. Walau bagaimana pun

rundingan damai di-Paris ada-lah menghadapi beberapa masalah² sulit dan kita tidak dapat-lah meramalkan apa-kah penyelesaian yang akan di-chapai di-Paris itu. Buat sementara pehak Kerajaan telah dan akan mengkaji dengan teliti semua perkembangan² di-Paris itu. Pehak Kerajaan sedar dan sentiasa berwaspada di-atas perkembangan² yang telah dan akan berlaku di-wilayah ini dan saya suka menyatakan sa-kali lagi kepada Dewan ini bahawa Kerajaan Malaysia akan mengambil langkah² dan tindakan yang sesuai untuk mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara kita ini daripada ancaman² yang akan datang dari mana² juga.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak-kah dengan Kerajaan kita akan membeli kapal terbang Mirage daripada Perancis itu sa-bagai kesan perengkat pertama perubahan dasar luar kita dalam bidang pertahanan sa-bagai melengkapkan angkatan tentera kita yang cukup.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak boleh di-sifatkan sa-bagai perubahan dasar luar negeri kita, ini sa-mata² langkah yang kita fikir sesuai mengikut keadaan yang ada pada masa ini.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan sedia memberikan laporan bantahan kerana Amerika champor tangan dalam pentadbiran pertahanan kita baharu² ini yang mana dia menyatakan hendak mengelakkan perlumbaan senjata di-Tenggara Asia ini, pada hal Amerika sendiri-lah yang membuat kejadian ini hingga menumpahkan darah ra'ayat kita di-Tenggara Asia, akhir-nya Amerika bertelut dalam perdamaian bagaimana yang ada dalam soalan saya ini.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun membuat keterangan atau pun menentukan pandangan kita terhadap langkah yang di-katakan di-ambil oleh pehak Kerajaan Amerika berkenaan dengan perkara ini. Pada masa ini kita belum-lah mendapat keterangan yang jelas apa yang sa-benar-nya berlaku. Tetapi, menurut keterangan yang saya terima

daripada Kedutaan kita di-Washington, pehak Kerajaan Amerika hanya-lah bertanya pada Kerajaan British di-atas soal ini, sama ada chadangan kita hendak membeli kapal² terbang ini akan memulakan arms crisis ini dan yang kedua-nya sama ada Kerajaan² Commonwealth yang lain dapat mengadakan pertahanan yang cukup di-wilayah Singapura dan Malaysia dan dengan itu tidak payah-lah Malaysia menggunakan wang terlalu banyak untuk membeli senjata kapal² terbang itu. Jadi menurut keterangan itu Kerajaan Amerika tidak-lah mengatakan yang Kerajaan Amerika meminta Kerajaan British menahan Malaysia daripada membeli kapal² terbang itu.

Akan tetapi kita belum-lah lagi, Tuan Yang di-Pertua, mendapat keterangan yang lanjut atas hal ini dan Kerajaan Amerika sendiri belum lagi berutus dengan pehak kita dan kita pun belum mendapat apa² keterangan² daripada pehak Kerajaan British dan Kerajaan² yang lain. Ini hanya-lah perisytiharan yang di-buat oleh sa-orang wakil daripada State Department Amerika dan kita pun telah balas keterangan itu. Jadi saya fikir pada masa ini, ini sahaja-lah langkah yang patut di-ambil.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan memberikan satu² perintah khas kepada Kedutaan kita di-Paris untuk mengikuti perkembangan Persidangan Damai atau pun Kerajaan hanya bergantung kepada *briefing* yang di-beri oleh Surohanjaya British di-Paris kepada Malaysia?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ini menjadi tanggung-jawab Kedutaan kita di-Paris bagi mengikuti perundingan² itu dan kita di-sini, Kementerian Luar Negeri, sentiasa memperhatikan perkembangan² itu.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, atas hubungan yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan tadi, kira-nya sah penahanan Amerika berhubung dengan ranchangan kita hendak membeli kapal² terbang yang moden ini, sedia-kah Kerajaan mengkaji sa-mula dasar seperti mengambil

Peace Corps daripada Amerika sama ada kita hentikan atau yang ada sekarang kita beri perhatian atau yang ada itu kita usir ka-luar negeri?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya tak fikir Kerajaan Amerika boleh menahan kita membuat apa juga perkara² yang kita fikirkan patut dengan wang kita sendiri. Kita berchadang hendak membeli kapal terbang daripada Kerajaan Peranchis dan saya tak fikir pun Kerajaan Peranchis akan menerima apa² nasehat daripada Kerajaan Amerika.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rundangan Perdanaian, maka satu perkembangan baharu pertahanan kita telah mengemakan dunia, apa yang telah di-buat oleh Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri kita ada-kah Kerajaan sedia memikirkan bahawa Yang Teramat Mulia Tunku di-minta membuat satu usul atau laporan dalam Dewan ini atas sikap pertahanan yang baharu dan juga Persidangan Commonwealth yang baharu supaya dapat disokongkan oleh Dewan ini dan juga parti² pembangkang kita?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak ada dasar pertahanan yang baharu. Saya telah menerangkan kepada Dewan ini apa dasar pertahanan kita sekarang ini dan saya fikir untuk masa ini memadai-lah dengan keterangan ini. Yang Teramat Mulia Tunku hanya-lah pergi ka-Paris untuk hanya berunding hendak membeli kapal² terbang daripada Kerajaan Peranchis. Dasar pertahanan yang sebenarnya kita telah di-ator di-sini dan seperti yang telah saya terangkan kepada Dewan ini.

PERTAROHAN HARAM DALAM PERLAWANAN BOLA YANG BESAR

2. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah dia sedar bahawa pertarohan haram ada di-jalankan dalam tiap² perlawanan bola yang besar; jika sedar, apa-kah tindakan yang telah diambil atas perkara ini, berapa banyak wang tunai telah di-rampas dan berapa orang telah di-tangkap.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ia-lah saya sedar pehak polis sentiasa memerhatikan pertarohan haram ini dan dalam masa Pertandingan Bola Sepak Merdeka pada bulan Ogos, 1968, mereka telah berjaya menangkap dua orang yang di-shaki menguruskan pertarohan dan wang tunai sa-banyak \$7,630 telah di-rampas dari kedua² orang itu. Kes ini belum di-bicarakan lagi.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dengan tindakan yang baik daripada pehak Kementerian ini, dapat-kah Yang Berhormat itu memberi jaminan bahawa kejadian ini tidak mungkin, tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi jaminan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedia mengkaji dan menimbangkan samula pertarohan yang sa-umpama itu supaya di-halalkan dan dengan ini kita dapat sedikit chukai untuk membahagi sedikit tabong hasil negara kita?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, perkara perjudian yang sa-macham ini, bagaimana Yang Berhormat ma'alum, ada-lah bukan di-dalam jagaan Kementerian saya. Sama ada boleh di-luluskan, atau pun tidak ada-lah di-dalam jagaan, kalau saya tak salah, Kementerian Kewangan. Kementerian saya chuma bertanggung-jawab di-atas perkara salah atau tak salah orang main judi samacham itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri Muda itu sedar bahawa pertarohan sa-chara haram yang menjadi tanggung-jawab portfolio-nya itu akibat daripada ada-nya undang² kita menghalalkan satu pertarohan bola; dengan demikian adakah Kementerian ini akan mengemukakan kepada Kerajaan supaya di-haramkan pertarohan itu sendiri?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Yang di-Pertua, saya tahu yang itu sudah di-tutup.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Kerajaan Perikatan telah beberapa kali di-Dewan ini meluaskan perjudian di-tanah ayer kita, boleh-kah Menteri yang berkenaan recommend kepada Kementerian Kewangan supaya kami menghalalkan judi atau pertarohan haram ini?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat yang mengatakan Kerajaan Perikatan meluaskan perjudian dalam negeri ini. Tentang permintaan, permohonan supaya di-panjangkan itu terpulang-lah kepada Kementerian yang bertanggung dan kalau Yang Berhormat suka Yang Berhormat boleh bawa kepada Kementerian yang berkenaan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju meluaskan perjudian di-tanah ayer kita. Tiap² kali apabila Kerajaan membawa Rang Undang² tentang perjudian di-Dewan ini, saya tiap² kali pun sentiasa membangkang Rang Undang² itu.

Tuan Yang di-Pertua: Pada akhirnya bersetuju juga. (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri menceritakan kepada Dewan ini beberapa banyak-kah tangkapan yang di-lakukan oleh Kementerian-nya terhadap orang² yang terlibat dalam pertarohan haram ini.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertarohan haram yang disebut dalam soal ini, chuma dua orang sahaja yang di-tangkap pada masa Pertandingan Bola Merdeka 1968.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, apa-kah hukuman yang telah di-kenakan kepada orang yang telah di-tangkap itu?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, kes ini belum di-bicarakan lagi.

KUMPULAN WANG WAKAF— PERATORAN MENGECHUALIKAN

3. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah dia sedar bahawa Kumpulan Wang Wakaf yang telah di-lancharkan-nya telah menyebabkan kesusahan yang amat sangat terutama-nya di-kalangan ibu-bapa di-kawasan² luar bandar. Kenapakah tidak di-adakan peratoran mengechualikan murid² yang mempunyai beberapa orang adek-beradek yang juga bersekolah.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat bersetuju bahawa Endowment Fund atau Tabong Wakaf itu boleh menimbulkan kesulitan yang besar daripada ibu bapa. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, tiap² sa-orang murid di-kehendaki membayar hanya \$1 kepada tabong itu bila² masa dalam tempoh dia bersekolah, ia-itu di-antara 9 hingga 13 tahun. Lagi pun, sa-kira-nya ada ibu bapa yang tidak boleh membayar-nya dengan sa-kali gus, mereka boleh membayar dengan sa-chara ansor. Bagi ibu bapa yang miskin yang mempunyai beberapa anak di-sekolah, mereka boleh juga membayar sa-chara beransor dalam beberapa tahun. Ibu bapa yang maseh lagi tidak mampu untuk membayar sa-chara ansor yang demikian rupa boleh memohon untuk kechualian kepada Ketua Pegawai Pelajaran Negeri yang berkenaan.

Dr Tan Chee Khoon: Ada-kah Menteri Muda sedar beberapa ibu bapa yang mempunyai 4 atau 5 kanak² di-sekolah walau pun mereka boleh membayar wang itu \$1 sa-orang dengan chara ansor, mereka tidak dapat membayar wang itu, oleh sebab itu walau pun Menteri Muda kata mereka boleh berjumpa dengan Chief Education Officer untuk meminta kechualian pembayaran itu, ada-kah Menteri Muda sedar ramai orang terutama di-luar bandar tidak boleh membayar wang tersebut?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, Menteri² dan Pegawai² yang

dudok bekerja di-bilek sejok, manakah mereka tahu kesusahan masalah² ra'ayat? Saya di-gudang ubat yang tidak berbilek sejok, ramai orang datang ka-gudang ubat saya bertanya Doktor, macham mana saya boleh bayar wang itu? Ada-kah Menteri Muda sedar ini?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu sedang menchari ubat, akan tetapi saya sendiri telah melawat beberapa buah kampong, saya tahu apakah kesulitan daripada orang² di-luar bandar lebeh lagi daripada Ahli Yang Berhormat itu. (*Ahli² Ya, ya, ya*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa salah satu sebab orang² luar bandar itu tidak dapat membayar wang Wakaf yang kecil ini, kerana mereka terpaksa membayar harga ubat yang mahal pada sa-tengah² doktor (*Ketawa*).

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, itu sangat betul. (*Ketawa*).

EMPORIUM PENJAJA, JALAN SEKOLAH, KUALA LUMPUR— BAYARAN PENDAHULUAN TIGA BULAN UNTUK TEMPAT² PENJAJA

4. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan ada-kah dia sedar bahawa sa-telah penjaja² menduduki tempat² mereka di-Emporium Penjaja, Jalan Sekolah, Kuala Lumpur, mereka di-minta membayar sewa pendahuluan tiga bulan sunggoh pun ini tiada di-sharatkan sa-masa mereka di-beri tempat di-sana. Ada-kah Menteri itu sedar bahawa perkara ini telah menyebabkan kesusahan yang amat sangat kepada penjaja² itu dan boleh-kah dia mengurangkan sewa itu terlebih dahulu.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah benar mengatakan yang tuan² punya Gerai Pasar Rama Penjaja di-Jalan Sekolah itu di-kehendaki membayar sewa pendahuluan sabanyak tiga bulan sewa. Mereka di-kehendaki mengikat satu perjanjian bagi ruang yang mereka dudoki di-dalam Pasar Rama itu. Di-dalam

sharat² perjanjian itu mereka di-kehendaki membayar wang pertarohan bersama tiga bulan sewa sa-bagai jaminan supaya sharat² perjanjian tersebut dihormati. Sa-telah pehak tuan² punya gerai membuat rayuan dengan memberi kesulitan wang sa-bagai alasan mereka, maka pehak Pesurohjaya Ibu Kota telah bersetuju menerima wang pertarohan bersamaan sa-bulan sewa sahaja pada permulaan-nya dan menangguhkan pembayaran baki wang pertarohan itu sa-hingga di-beritahu kelak.

Dr Tan Chee Khoon (*dengan izin*): Sir, the question that I wish to ask the Parliamentary Secretary is this. Why, in the first place, without prior information or without prior notice, when they first accepted places in this Hawkers' Emporium in Jalan Sekolah were the hawkers asked to pay three months' rent in advance? And then subsequently, the Pesurohjaya Ibu Kota had second thought and reduced it to one month's rent. The question is why was it that they were asked in the first place to pay three months' rent in advance?

Tuan Lee San Choon (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, as I have said, in the first place, the Pesurohjaya Ibu Kota required a deposit equivalent to three months' rent as security for this due performance and observance of the terms and conditions of the Agreement. As we have stated now and again, the Alliance Government is always very sympathetic, especially to hawkers and so on representations by the hawkers concerned, we have accepted one month's advance as represented.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, perhaps, I did not phrase my question properly. The question that I wish to ask the Honourable Parliamentary Secretary is this. When the hawkers were told that they were given places, they were not told that they would have to pay three months' rent in advance. That is my point—they were not told. Subsequently when they went and occupied their pitches, then they were told that they had to pay three months' rent in advance and then they made representations and then there

was a decrease in this advance from three months rent, to one month's. The question I wish to pose is that when they were given places, why in the first place they were not told?

Tuan Lee San Choon: Mr Speaker, Sir, when they were given places, surely it was understood that an Agreement would be signed between these hawkers and the Pesurohjaya Ibu Kota. In the Agreement, of course, the conditions are laid down, and one of the conditions is that they have got to pay a certain amount of advance as security.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, then would it not be better that at the time they were given places, the Agreement should have been given to them and the conditions of the agreement should have included this three months' rent in advance? Why were they not given the agreement when they were told that they were given places, so that they could decide for themselves? The reason why I ask this question Mr Speaker, Sir, is this: I believe quite a number of people, having been given places, thinking that there would be no need for an advance to occupy places and then having found that they have to pay three months' rent in advance, they had to back out. That is the reason.

Tuan Lee San Choon: Sir, I am not aware that any hawker has backed out because of this advance. As I have stated just now, it is understood that an agreement would be signed between the Pesurohjaya Ibu Kota and these hawkers and that they are given the agreement after they come in.

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, a great deal of difficulty and misunderstanding could be avoided if there is a representative of the Kuala Lumpur Hawkers' Association represented in the Kuala Lumpur Municipal Official Hawkers Committee so that the views, the hardship and the difficulties of the hawkers could be properly represented and heard at the right place. At the moment, Mr Speaker, Sir, there is no representative in the Municipal Hawkers Committee from the Kuala Lumpur Hawkers' Association. Would the Honour-

able Acting Minister consider appointing a representative of the Kuala Lumpur Hawkers' Association to this Committee?

Tuan Yang di-Pertua: Well, what is the question? You say only the point of view and so on.

Tuan Tan Toh Hong: Would the Honourable Parliamentary Secretary, acting on behalf of the Hon'ble Minister of Local Government and Housing, (*Laughter*).

Tuan Yang di-Pertua: You are supposed to ask a supplementary question and not to ask him a question yourself "would he consider". You should put the question to him in the form of a supplementary question.

Tuan Tan Toh Hong: The supplementary question is that there is a great need (*Laughter*) for representation from the Hawkers' Committee and, therefore would the Honourable Parliamentary Secretary agree or do not agree to consider (*Laughter*) appointing a member of the Hawkers' Association in the Kuala Lumpur Committee.

Tuan Lee San Choon: Mr Speaker, Sir, although that is a different question, I think we will consider it if representation is made.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan kesulitan pehak penjaja di-dalam soalan yang keempat ini, ada-kah sampai kepada ka-pengetahuan Kementerian sa-puchok surat yang telah di-berikan oleh Persatuan Penjaja² di-Kuala Lumpur yang bertarikh pada 15 haribulan November. Jika sampai, apakah tindakan Kerajaan kepada surat itu?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain, jikalau Yang Berhormat ingin tahu berkenaan surat itu tolong-lah bagi notice jikalau ada.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1969

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan atas

Masalah Kepala B. 27 menjadi sa-bahagian daripada Jadual (25hb Januari, 1969)—(Hari Yang Ketujuh).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

JADUAL

Kepala B. 27—

Perbahathan di-sambong sa-mula atas Masalah Kepala B. 27 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, pada Kepala B. 27 Rumah Sakit dan Gudang Ubat. Tuan Pengerusi, pada masa mengemukakan peruntukan Kementerian ini, Pemangku Menteri Kesihatan sendiri telah mengakui bahawa maseh lagi kekurangan Pegawai² Perubatan khas-nya doktor² untuk menampung keperluan perubatan dan kesihatan negara kita ini. Kita tentu-lah berasa bangga kerana hasil dari Universiti Perubatan kita pada tahun ini akan dapat mengeluarkan lebih kurang 60 orang doktor² atau pun pegawai² perubatan untuk berkhidmat di-negara kita ini. Pada sa-tiap tahun dalam membahathkan peruntukan Kementerian ini sering kali perkara pemberhentian doktor² dari bekerja dengan Kerajaan telah di-bahathkan, tetapi sa-hingga hari ini perkara tersebut pada pendapat saya, maseh berlaku lagi sa-terus-nya. Apa yang saya harapkan supaya Kementerian ini, untuk keperluan pembangunan negara, Kerajaan hendak-lah menchari satu jalan yang tegas supaya perkara ini tidak berlaku dan menjadi bebanan kapada negara kita. Penimbangan hendak-lah di-beri dari beberapa segi terutama dari segi sara hidup dan kemudahan² sa-hingga mereka itu berpuas hati. Untuk menampung kekurangan pegawai² perubatan di-negara kita ini Kerajaan telah pun menjalankan langkah untuk mengambil doktor² dari luar negeri bagaimana yang telah di-umumkan oleh Menteri Yang Berhormat sa-banyak 10 orang dari Republik Arab Bersatu dan 40 orang dari Korea. Apa

yang saya ketahui doktor² yang di-ambil berkhidmat di-sini telah dapat memberikan perkhidmatan-nya dengan sangat memuaskan hati dan dapat memberikan layanan sesuai dengan keadaan negeri kita ini dan kita ada-lah menguchapkan banyak terima kaseh kapada mereka itu. Apa yang kita harapkan kapada Kerajaan untuk menampung kekurangan doktor sementara menunggu doktor² dari negeri kita sendiri di-harap-lah supaya Kerajaan membawa masuk lagi banyak doktor² yang terlatah termasuk-lah doktor dari negara Russia, Jerman dan sa-bagai-nya. Patut di-ingatkan, Tuan Pengerusi, chara pengambilan doktor ini hendak-lah di-amati betul² kerana bagaimana kita tahu sa-belum perang dahulu banyak kita mendapati doktor² yang tidak mempunyai kelulusan yang chukup di-masokkan ka-negara ini dan ada setengah²-nya pula mempunyai certificate yang palsu atau pun di-beli.

Saya berharap juga, Tuan Pengerusi, Universiti Perubatan kita di-Petaling Jaya hendak-lah di-perlengkapkan dengan sechukup²-nya supaya pada masa² yang ka-hadapan Universiti ini bukan sahaja dapat mengeluarkan doktor² yang biasa tetapi dapat mengeluarkan dengan banyak-nya pakar² perubatan kita sendiri. Soal kekurangan doktor ini juga pada masa ini telah melibatkan beberapa banyak pusat² kesihatan kita yang ada di-luar² bandar di-negara kita ini tidak dapat doktor² yang terlatah maka ini juga saya berharap supaya dapat Kerajaan meng-ambil perhatian untuk menampung keadaan ini.

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, di-samping kekurangan doktor kita maseh juga lagi kekurangan Jururawat dan Penolong Jururawat yang terlatah dan bagaimana yang di-umumkan oleh Menteri Yang Berhormat pada masa mengemukakan peruntukan ini ia-itu banyak Jururawat² kita yang telah berhenti bertukar berkhidmat di-tempat² lain saperti Universiti dan Peranchang Keluarga. Apa yang saya chadangkan atau pun harapkan, Tuan Pengerusi, pada masa² yang akan datang salah

satu latehan kepada Jururawat² ini sa-lain daripada latehan yang telah di-tentukan maka hendak-lah satu dari-pada-nya di-lateh tentang Peranchang Keluarga, supaya pada masa² yang ka-hadapan kita tidak-lah payah lagi menghantar mereka² yang berlateh khas tentang Peranchang Keluarga ini tetapi kita boleh gunakan sa-kali Jururawat² yang kita hantar ka-kampong² itu mem-beerikan nasihat² tentang Peranchang Keluarga. Dari segi ini juga akan menjimatkan perbelanjaan negara kita ini.

Dato' Haji Hussein bin Mohd.

Noordin (Parit): Tuan Pengerusi, ber-chakap B (27)—Kementerian Kesih-atan. Saya menguchapkan terima kaseh kepada Kementerian Kesihatan di-atas usaha-nya memberi perkhid-matan kesihatan dan perubatan kepada seluroh ra'ayat di-kawasan bandar dan di-dalam bandar, selaras dengan tujuan Kerajaan mendirikan sa-buah negara yang sihat. Saya pernah berchakap dalam Dewan ini tahun yang lalu berkenaan dengan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di-kawasan² luar bandar, di-minta Kementerian ini meluaskan dan memperbaiki lagi per-khidmatan tersebut. Saya dapati sa-tengah² perkhidmatan perubatan dan kesihatan di-kawasan luar² bandar belum lagi terchapai maksud² yang di-kehendaki oleh Kerajaan. Dan juga di-sini, Tuan Pengerusi, ada-lah surat dari-pada Ketua Pegawai Kesihatan dan Perubatan Negeri Perak yang telah mengatakan oleh kerana kekurangan² kakitangan ia-itu kekurangan pem-bantu rumah sakit di-gudang² ubat Kerajaan maka tidak dapat menjalan-kan perkhidmatan dengan seluas²-nya dan gudang² kedai ubat itu tidak dapat menjalankan perkhidmatan untuk mem-beer ubat² kepada orang² kampong, maka saya berharap keadaan macham ini biar-lah Kementerian ini akan mengambil langkah membaiki keadaan yang tersebut.

Sekarang saya terpaksa bangun sa-mula pada pagi ini sebab ini-lah barangkali saya dapat berchakap atau tidak tetapi saya berjanji dalam Dewan dan juga pengundi² saya dan juga

ra'ayat di-dalam kawasan Sungai Perak supaya membangkitkan perkara ini tiap² tahun sa-hingga sa-buah Hospital luar bandar Changkat Melintang di-dirikan oleh Kementerian ini.

Saya hendak menarek perhatian, Tuan Pengerusi, ia-itu di-dalam Budget Summary of Federal Government Expenditure, 1969 muka surat 145 ada terchat di-sini ini New Hospitals saya quote, "Meanwhile architectural and engineering design work of the long delayed Rural Hospital at Changkat Melintang are being completed and construction can now be expected to commence in 1969". Jadi ini-lah ada satu note yang berasa puas hati, puas hati membacha dan mendengar-nya tetapi ada-kah, Tuan Pengerusi, dengar akuan yang semacham ini telah pun di-aku² oleh pehak Kementerian, saya tidak chakap pehak Kementerian, saya hendak berchakap kepada pehak Yang Berhormat Menteri, tetapi Menteri ini tak ada, Kementerian ini saya tak tahu siapa Menteri-nya bertukar satu tahun ganti yang lain, sudah lima Menteri berjanji berkenaan dengan Hospital di-Changkat Melintang. Jadi kalau saya hendak berchakap di-sini hendak meng-adukan kepada Setia-usaha Parlimen bagi Kementerian ini maka dia tentu jawab ini tentu-lah datang daripada Setia-usaha Parlimen maka saya hendak berchakap kepada Kementerian Kesih-atan sahaja. Jadi saya hendak tanya kepada Kementerian Kesihatan ini bagaimana besar-nya hospital di-Changkat Melintang yang begitu lama hendak draw satu plan ia-itu plan design untuk Changkat Melintang ada-kah besar-nya macham General Hos-pital di-Ipoh atau di-Seremban atau di-Kuala Lumpur fasal long delayed ini berma'ana-nya tentu-lah saya nampak kawasan² kami pun orang² yang saperti luar bandar hendak tengok bagaimana endah-nya sampai lama design ini hen-dak di-buat, saya tidak tahu.

Jadi bukan-lah hendak buat hospital macham di-Kuala Lumpur, ada-lah hospital yang di-kehendaki dalam ka-wasan itu hospital yang boleh beri perkhidmatan kepada ra'ayat² yang dudok di-luar bandar, hospital yang sesuai dengan di-kehendaki, bukan-lah

hendak besar. Jadi, saya tidak nampak-lah hendak buat satu plan memakan masa bertahun². Jikalau makan masa bertahun² ini boleh-lah di-recordkan dalam penyata di-sini ini ada-lah record dunia bagi Kementerian ini membuat satu hospital yang kechil menjadi world record, sebab-nya daripada tahun 1961 sampai tahun 1969 berapa tahun sudah, 8 tahun membuat satu plan ini saya kata world record. Jadi bagaimana pun saya berasa kasehan kepada ra'ayat² yang dudok di-luar bandar sungguh pun ada usaha Kerajaan memberi perkhidmatan ubat dan kesihatan di-kawasan² luar bandar dan tujuan-nya yang saya sebutkan tadi supaya ra'ayat di-luar bandar betul² sehat. Jadi, kita telah mendengar beberapa kali daripada Kerajaan berseru dan mengatakan ra'ayat di-luar bandar ada-lah tulang belakang negara kita ini. Kita tahu ra'ayat² di-luar bandar apa pencharian-nya. Jikalau orang yang menanam padi, Tuan Pengerusi, pukul 5.00 pagi sampai pukul 5.00 petang dudok di-dalam mata hari yang sinar menajak dan mengusahakan bendang, jikalau orang yang menoreh getah ra'ayat di-luar bandar daripada suboh pagi pukul 4.00 sampai pukul 11.00 baharu balek karumah, pukul 2.00 balek ka-kebun untuk mengeringkan getah. Jikalau orang yang menanam sayor bagitu juga daripada pukul 6.00 sampai petang dudok di-tengah panas. Bagitu juga orang yang menangkap ikan pergi ka-laut dengan bahaya ribut dan taufan kerana menyambut seruan negara supaya mereka juga akan dudok bersama² di-dalam negara kita yang ma'amor yang telah terbangun ini. Jadi, jikalau kita fikir nasib ra'ayat yang sa-macham itu maka saya tidak perchaya pehak Kementerian ini melengah²kan lagi dengan maksud mereka itu, tujuan kehendak² mereka itu dengan tujuan mereka itu boleh sehat menggandakan tenaga-nya untuk ekonomi negara dan untuk betul² ra'ayat di-luar bandar ini menjadi tiang negara. Jadi, Tuan Pengerusi, jikalau hospital ini—di-Changkat Melintang terdiri maka saya perchaya bukan-nya-lah dalam kawasan saya mendapat perkhidmatan tetapi seluroh daripada Parit sampai ka-Telok Anson

sa-banyak 100,000 orang kechil dan besar dapat perkhidmatan ini.

Saya hendak bawa juga, ada-kah patut saya bawa di-sini atau tidak tetapi ini telah terjadi di-dalam masa kita menyambut, merayakan Hari Raya Puasa baharu² ini ia-itu apabila saya ada di-Parit dalam meshuarat, datang-lah sa-orang ibu membawa anak, anak-nya terjatoh daripada basikal berdarah dengan baju ibu-nya penoh dengan darah, hari pula hari Ahad, hari kelepasan ia-itu mengatakan di-mana hendak bawa budak ini sebab ada dispensary di-Parit hari Ahad tutup di-mana hendak bawa budak ini. Inilah Kerajaan lambat² buat hospital jikalau ada hospital tentu-lah dia tahu tempat hendak di-bawa. Jadi, ini ra'ayat yang serendah²-nya tahu bagaimana hasrat-nya supaya ada hospital di-buat dengan segera. Jadi, dua hari lepas itu pula ada satu budak kena gelek oleh scooter juga bapa-nya berjumpa dengan saya, bapa-nya ajak saya ka-Batu Gajah Hospital kerana hendak merawat anak-nya, tetapi apabila pergi ka-Batu Gajah Hospital anak-nya di-bawa ka-Ipoh untuk menjalankan operation. Jadi, bila kami kejar di-Ipoh besok hari-nya budak itu telah meninggal dunia. Jadi ini juga di-katakan oleh bapa-nya, bagini juga-lah jikalau anak ini dapat di-rawat dengan segera maka anak-nya yang berumur 6 tahun ini akan selamat hari ini. Ini-lah juga, dan juga saya telah bangkitkan perkara ini telah banyak kali tetapi bak kata saya tadi kita hari ini-lah kita bersama² barangkali lepas pilehan raya tidak ada saya berchakap di-sini, tetapi apa yang saya chakapkan di-sini, Tuan Pengerusi, bukan-lah suara saya tetapi suara ra'ayat yang dudok dalam kawasan Sungai Perak sa-banyak 100,000 orang yang merasa derita yang mahu kemudahan daripada perubahan. Jikalau suara saya ini kasar di-dengar oleh Dewan ini bukan-lah suara saya tetapi suara yang melalui dada saya daripada hasrat orang yang 100,000 di-dalam kawasan saya di-Sungai Perak. Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk berchakap dalam bahasa Kebangsaan dan

bahasa Inggeris. Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu hendak menguchapkan ribuan terima kasih kepada Pemangku Menteri Kesihatan terhadap penerimaan jemputan Kesatuan Perubatan Malaya ka-jamuan makan tengah hari, hari Ahad yang lalu. Tuan Pengerusi, Kesatuan Perubatan Malaya sangat menghargai penerimaan itu oleh sebab perhubungan antara Pemangku Menteri atau Menteri Kesihatan sangat mustahak dan sa-kira-nya Menteri Kesihatan dan Kesatuan Perubatan Malaya bekerja bersama² maka masalaah² atau kesulitan² yang timbul dalam Kementerian Kesihatan boleh di-atasi kalau kedua² pihak bekerja bersama².

Now, Mr Chairman, Sir, I am very glad that the Acting Minister of Health has smoked this pipe of peace with the Malayan Medical Association. Speaking as a member of the Medical Association and not as an official of the Malayan Medical Association, and speaking as the Member for Batu, I regret that the former Minister of Health, who unfortunately had just left this Chamber, chose to ignore or reject a similar invitation by the Malayan Medical Association to lunch with the Malayan Medical Association. I need hardly stress that if we wish to have closer relationship as between the Ministry of Health and the Malayan Medical Association, which represents the majority (80% or 90%) of the medical practitioners of this country, it is important that the Minister of Health maintains good relationship with the Malayan Medical Association and keeps in close touch with the Malayan Medical Association, for undoubtedly with the help of the medical practitioners in the country, as represented by the Malayan Medical Association, the Ministry of Health can and will overcome many of the problems that face the Ministry. The Member for Parit, for example, quite rightly ended up in a very heated manner, and if there had been consultations with the Malayan Medical Association or with the members of the Malayan Medical Association, quite a good deal of his problems might have been solved.

Mr Chairman, Sir, I now turn to page 335, O.C.A.R. sub-head 5: the

allocation to the Blood Bank Service was \$50,000 last year, but—Lo, behold—it is only \$48,000 this year. This House has heard the Member for Muar Utara ask about the blood transfusion service. I wish to bring to the attention of this House that the blood transfusion service, at least, in Kuala Lumpur is in a most deplorable state. In the first place, there is no permanent medical officer. Time was when a medical officer was sent to the United Kingdom to specialise in blood transfusion work, but, unfortunately, when he returned to this country, he found that although he specialised in blood transfusion work, he remained still a lowly timescale officer, and he looked around and he saw that there was an opportunity elsewhere and he quickly got himself out of the blood transfusion service and became a Superscale “H” officer. Since that time, unfortunately, there has been no full-time medical officer in charge of the blood transfusion service. What is worse, Mr Chairman, Sir, is this: after office hours, whenever there is a request for blood, what is being done in the General Hospital, Kuala Lumpur, really frightens me. Let us say, that the Department of Surgery needs one pint or two pints of blood; and there being no medical officer in charge and there being no technician on service at night, what happens is that the houseman goes to the Blood Bank and does a cross-matching. Now, I am not questioning the calibre or the competence of the houseman. No doubt, in the course of their training, both as under-graduates and in the course of their training as housemen, they are taught these elementary needs of cross-matching and the like. But I shudder to think of a houseman making a mistake. I believe in the General Hospital in Kelantan, there was a mistake and, of course, it resulted in a fatality. If I were the judge there, I would have awarded a huge damage to the plaintiff in such a case. Unless you really bring the blood transfusion service up, post medical officers full-time, and post a person who is specialised in it, I am afraid the same deplorable conditions will exist in the blood transfusion

service in Kuala Lumpur. Was then the lack of medical officers, Mr Chairman, Sir, is the lack of technicians? I am told that there are only one supervisor of the Blood Bank Service and two technicians. Now, these two technicians quite rightly say, "We work during office hours from 8.30 to 4.00 o'clock; we close shop, we go home". One would have thought, for such a vital service which services the whole of the Hospital, that the Minister of Health would increase the complement of technicians there, so that they can go on roster duty and that there should be a 24-hour service in the Blood Bank. Unfortunately, this is not so, and I say that the Ministry of Health should immediately post extra technicians to the blood transfusion service before a fatality occurs in the Hospital as a result of over-worked medical personality making a human error. You give Group "A" blood to a Group "B" recipient and you see how fast a patient passes away before your eyes; and it can happen, Mr Chairman, Sir, under the present circumstances prevailing in the blood transfusion service.

The other thing, Mr Chairman, Sir, is that the Supervisor of the Blood Bank literally is on 24-hour service, seven days in a week and 365 days in a year. He works his normal office hours and he is told not to leave the house—he is on call all the time. How on earth do you expect a human being to work his normal duty and to be on call all the time? If he does not relax, if he does not go to see a cinema show, does not go to see a football game, or does not go somewhere to visit his friends, he will go *gila* very soon; and, of course, the service that he can render falls and we must not blame him if he falls asleep while he is working and makes a simple error resulting in a fatality. Again, Mr Chairman, Sir, I call on the Parliamentary Secretary to the Minister of Health to immediately post at least four more technicians to the Blood Bank Service in the General Hospital, Kuala Lumpur, so that they can be put on a roster duty and to post not one but at least two medical officers as

full-time medical officers for the Blood Bank Service and send some of them to the United Kingdom or elsewhere to specialise in blood transfusion service and then, when they come back, do not put them as lowly timescale officers because either they will leave to join another Department of the Ministry of Health, or they will leave to seek pastures anew in private practice.

Now, Mr Chairman, Sir, currently, there is a team of three members of the General Medical Council looking after the University Hospital, the training that is provided by the Faculty of Medicine in the University Hospital, to see whether the General Medical Council will recognise the M.B.B.S. degree that the University of Malaya will be awarding to its graduates in about the middle of this year. Now, I shudder to think that if that team of three experts from the General Medical Council were to visit the General Hospital, its Blood Bank Service and if they look at the primitive conditions that prevail there, I am sure that there would not be any recognition of the M.B.B.S. degree awarded by the University of Malaya; hence, once again, I call on the Parliamentary Secretary, and I cannot stress it too much, that the services there must be improved immediately before a fatality occurs in the General Hospital, Kuala Lumpur, as a result of a very human error on the part of those working in the blood transfusion service.

Now, Mr Chairman, Sir, I come to page 309, Medical Officers. I wish to go through the provisions for the Medical Officers, Dental Officers, Hospital Assistants, Nurses, Assistant Nurses and Midwives. If you look at page 309, Medical Officers, you will find that the complement last year was 459 Medical Officers and that this year the complement is 524—an increase of 65 Medical Officers; and if one looks at the allocation for housemen, one finds that last year there was an allocation for 130 housemen, and this year, again, there is an allocation of 130 housemen. This presupposes that half of the housemen who finish their housemanship this year will join the Government Service. Now, it is no

secret, Mr Chairman, Sir, that last year there were about 20 to 30 doctors hanging around Kuala Lumpur, hanging around the Ministry of Health, hanging around the Public Service Commission waiting for jobs—it is no secret. They were all tearing their hair in rage. They said, “Look here, we read about this country needing doctors. We come back. We want to work and they say, ‘Tunggu-lah, tunggu-lah, tunggu-lah’.” Berapa lama, Tuan Pengerusi, doktor² di-tanah ayer kita hendak menunggu supaya mereka boleh dapat kerja? That is because, Mr Chairman, Sir, of lack of foresight on the part of the Ministry of Health. They had always been operating on a deficit of doctors, and they could not foresee the fact that in the very near future—and it will come soon—there may well be a surfeit of doctors as happened last year at one time, and then they quickly wrote letters to all re-employed pensioners to terminate their services, so that they could engage all these young doctors knocking at the doors of the Ministry of Health. And I postulate that this increase of 65 medical officers is not enough. It is estimated that there will be 200 doctors graduating from Singapore, graduating from Kuala Lumpur, and coming back from abroad. Where are they to get work, if they do not have to start first with the Ministry of Health? And I presume the Ministry of Health wants them to work because it is no use talking about shortage, shortage, shortage, when you do not provide establishment posts. If there are no posts in the establishment, then what will happen is that the Ministry of Health goes to the Treasury and starts begging for posts. I say that this work should have been done last year to see that the establishment for doctors should be increased, not by 65 for this year, but by at least a hundred, so that the many people who graduate from Singapore and from Kuala Lumpur and coming back from abroad can get the jobs and need not have to hang around for months on end before they get the jobs.

Now, Mr Chairman, Sir, the same is also true of the dental officers. Now, if you look at the provisions for dental

officers, their complement is 150 last year and 160 this year. Again, I say, there is an increase of only 10 posts of dental surgeons. Now, again, I say this is far too little because there are more than 10 graduates from Singapore (who went there from Malaysia) and then there are others who come from abroad and therefore it is not realistic to provide for an increase of 10 dental officers. Consequently, this has to be looked into as well. If you look at the establishment for hospital assistants, last year it was 803; this year it is 803. Last year, the pupil trainee was 380, this year the pupil trainee is 380. I ask the Parliamentary Secretary to the Minister of Health what is going to happen to those who were trained last year and who graduate this year? There is no increase in the establishment of timescale hospital assistants. What is going to happen to all these 380 who will graduate this year? Where are they going to go? The same is true also, if you go lower down the line, of nurses. For nurses, the establishment (timescale) is 1,740 last year. The same is true: 1,740 this year. But those in training last year was 829, this year it is 829. Again, I ask the Parliamentary Secretary to the Minister of Health: What is going to happen to all these 829 nurses who graduate this year? What is going to happen to them? Or, at least, let us say, the course is a three-year course and one-third of them graduate this year: What is going to happen to them? The establishment for nurses last year was 1,740, this year it is 1,740—no increase. What is going to happen to all these trained nurses? It is the same, if you look lower down the line—assistant nurses. It was 1,724 last year (timescale), this year it is 1,724. Those in training: 433 last year, again 433 this year. Again, what is going to happen to them? If you look at the midwives, it is the same thing: 710 last year, 710 this year (timescale officers). Those in training: 325 last year, 325 this year. Now I say that the Minister of Finance is able to prune his Budget to less than \$7 million, compared with last year, at the expense of cuts in many places—and here is an example. In the Ministry of Health the

timescale posts all over are static and yet, Mr Chairman, Sir, if you look at the Budget Summary on page 141 you will find the following:

		1968 No. of beds	1969 No. of beds	Increase
(a) Number of General Hospitals and total beds		7,500	7,700	200
(b) Number of District Hospitals and total beds		8,079	8,419	340
Total increase ..				540

Now, there will be 540 beds extra this year and yet the establishment posts—except for medical officers (an increase of 65) and except for dental officers (an increase of 10)—for hospital assistants, for nurses (trained, timescale), for assistant nurses and for midwives, the establishment remains static. Now, how are you going to cater for the increased number of beds if your establishment remains static? This is the question I wish to pose to the Ministry of Health, and I do hope that the Ministry of Health will not in the middle of the year wake up and sign-off as what has happened in the General Hospital, Ipoh. There the Hospital was ready, ready to be opened, but because of the lack of nursing staff, it remains closed. This is a wanton waste of public funds. You build an expensive first-class ward, costing perhaps tens of thousands of dollars, if not hundreds of thousands of dollars, and yet you cannot open it because you do not have trained personnel. And how can you have trained personnel to man these posts unless you have the establishment posts ready to take over, to man these extra beds that are being provided for this year? I do not know whether it is because the Ministry of Health has been forced to accept this stand still or *status quo* by the Ministry of Finance, but I can say, Mr Chairman, Sir, without fear of contradiction, that the medical profession will not accept such a situation, where you have an increase in beds, where already there is an extreme shortage of doctors, of para-medical officers, including the nursing staff, and yet you do not provide for extra heads, extra hands, to man this increase of beds.

Now, Mr Chairman, Sir, I now come to page 309, regarding the superscale officers. There are listed the various superscale officers, and I have stated it before and I state it again that I am surprised that the top paediatrician in the country, who is posted in the General Hospital, rates a lowly superscale “G”. His or her colleagues in medicine, in surgery, in radiology, and the like, are all in superscale “D”. Now, the Parliamentary Secretary to the Minister of Health knows that paediatrics forms a very important sector of medicine. In fact, most of the cases that private practitioners see, or even in the General Hospital or the District Hospital, are from the tiny kids who go to see the doctor and yet for such an important speciality the top-most post that the Ministry of Health can provide is a lowly superscale “G”. I commend it to the Ministry of Health that this post should be upgraded to at least a little lower down the ladder than the superscale “D”, that is the top rung for specialists, that this post should be at least upgraded to at least superscale “F”, where the others lower down than “D” have been elevated. This is the thing that I commend to the Parliamentary Secretary to the Minister of Health.

Now, Mr Chairman, Sir, on page 334, O.C.A.R., Sub-head 3, I am surprised that the allowances to inmates employed in Leper and T.B. hospitals have been decreased, cut from \$625,428 to \$618,660 a cut of \$6,768. Now, I do not know about the inmates employed in T.B. hospitals, but I do know about inmates employed in leprosarium because in my constituency is the biggest leprosarium in this country. It has more than 3,000 patients, and a large number of the inmates are being employed to help in the nursing down there. Now, I say they are being exploited by the Government because the Government says, “Look here, we are only giving you allowances; we are not treating you as Government servants”. But, if these people were to back out and do not work there, I dare say that this allocation of \$600,000 plus will have to be doubled, if you have to employ those who are not afflicted with such

a disease to work in such places and, therefore, instead of being grateful to the savings that can be effected from the P.E. by these people working in these institutions, the Ministry of Health has seen it fit to cut down on these allowances. I call on the Ministry of Health to increase these allowances particularly—I can speak with first-hand knowledge—for those working in the leprosarium in Sungei Buloh, because they are in dire need of an increase in allowances instead of a cut in allowances.

Mr Chairman, Sir, I refer also to page 336, O.C.A.R., Sub-head 25, under which there was an allocation of \$15,000 last year, and this year there is an allocation of \$27,000 for the treatment of patients in the Lady Templer Hospital. Mr Chairman, Sir, it is not generally known that whereas before any patients going to the Lady Templer Hospital, if they are really poor, could get free treatment, but now for every one the Lady Templer Hospital is forced to demand its pound of flesh. Everyone going to that Hospital now must pay \$1 a day. Now, if they go from Government institutions, like the National Tuberculosis Centre in Pahang Road, or from other District hospitals or other hospitals up and down the States of Malaya to the Lady Templer Hospital, then that \$1 is subsidised by Government; and hence you have this increase of only \$12,000 for treatment of patients in the Lady Templer Hospital. Now, Mr Chairman, Sir, I say that this is totally inadequate, because the T.B. patients should not under any circumstances be asked to pay for treatment.

In any civilised society where a person is afflicted with such a dreadful disease, they do not ask one to pay when he is already out of circulation, when his family cannot get the wherewithal to feed themselves. Yet here when people go to this hospital, you ask them to pay \$1. The Parliamentary Secretary to the Minister of Health knows very well that in other countries, they are given generous incentives to get treatment. I believe in Australia they get as much as \$120 local, if not more, for being treated

in a Government institution; and yet in this country, while they may get a little aid from the M.A.P.T.B. and very often they are given, perhaps for one, two or three months and after that they are told, "Sorry, chum, no more money in the kitty, you have to find your own way". Now, they do not get anything from whatever source and on the top of that, they charge them \$1 per head per day. I say it is a very callous Government, it is a very callous Ministry of Health and a very callous Ministry of Finance, the Treasury, to demand its pound of flesh and say: "You pay \$1, or you do not come into this hospital". Now, like the Member for Parit, I feel very strongly about this, Mr Chairman, Sir, because I feel that help should be given to a person who falls ill, particularly when he is poor, and he should get the best medical treatment. In this country, the poor cannot get the best medical treatment unless you increase all these things, you increase this sum of \$27,000 perhaps to \$54,000, and you still would not find it is enough because I myself practically every month or every two weeks have sent cases to the Lady Templer Hospital. Amongst the other things, why my patients refuse to go to the Lady Templer Hospital, is because they cannot pay the \$1 that the Lady Templer Hospital is forced to demand because of the insistence of the Treasury backed by the Ministry of Health. Hence, Mr Chairman, Sir, I call on the Parliamentary Secretary to the Minister of Health to take into consideration all these things that I have pointed out to him because unless these deficiencies are rectified, it is no use talking about the wonderful hospitals that you have, the wonderful clinics, most of them, that are manned in this country, because the poor in this country will continue to suffer under these circumstances. Thank you.

Tuan Mohamed Idris bin Matsil (Jelebu-Jempol): Tuan Pengerusi, saya berdiri menyokong bekalannya kerana peruntukan Kementerian Kesihatan bagi tahun 1969 ini.

Tuan Pengerusi, saya akan menentang hanya satu dua perkara sahaja di-dalam peruntukan ini dan saya

tujukan kepada muka 334—Perkhidmatan Menchegah Malaria dan bersangkutan dengan perkara itu pada muka 26 ada juga di-sebutkan, kalau tak silap saya, 150 orang Pengawas ia-itu Pegawai² Kesihatan, Pengawas Kesihatan baharu akan di-ambil pada tahun 1969 ini dan pada muka 337 ada juga peruntukan ia-itu ranchangan Kebangsaan Menchegah Malaria.

Tuan Pengerusi, walau pun kematian kerana penyakit malaria berkurangan di-dengar dalam dunia kita yang moden ini, kerana yang pernah kita dengar sama ada menerusi surat² khabar dan lain², sering kali kematian ia-lah kerana lemah jantung, darah tinggi, penyakit cancer, Tibi dan sebagainya. Tetapi saya perchaya Kementerian bersetuju dengan saya bahawa di-kawasan² luar bandar kematian yang timbul kerana penyakit malaria maseh lagi berleluasan dan saya berharap Kementerian akan meng-ambil berat dan menggunakan sa-besarnya wang² yang di-utangkan sa-bagaimana yang saya sebutkan daripada beberapa muka surat perbelanjaan Kementerian Kesihatan ini akan di-gunakan di-kawasan² luar bandar.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya berasa sukachita menerangkan bahawa Kementerian Kesihatan melalui Bahagian Kesihatan-nya ada meng-anjorkan beberapa Pilot Project di-beberapa buah kampung atau pun di-beberapa kawasan luar bandar dan saya mengambil peluang bagi pehak kawasan saya menguchapkan terima kaseh kepada Kementerian ini yang telah memilih sa-buah kampung di-dalam kawasan saya di-Jelebu-Jempol sa-bagai satu Pilot Project ranchangan kesihatan ini dan ranchangan ini adalah mendapat sambutan yang baik daripada penduduk² kampung dan saya berharap ranchangan ini tidak-lah akan tinggal sa-bagai Pilot Project sahaja bahkan akan di-luaskan lagi sa-terus-nya di-beberapa kawasan luar bandar di-negara kita. Di-dalam ranchangan yang saya sebutkan tadi, Tuan Pengerusi, saya dapati beberapa tunjok ajar, chontoh² yang practical di-berikan oleh Pegawai² Kesihatan terutama sa-kali bagaimana yang saya sebutkan awal²

tadi, ia-lah chara menchegeh penyakit malaria.

Jadi di-dalam masaalah ini saya berharap dan saya perchaya tidak-lah menjadi kesulitan kalau Kementerian ini dapat berunding dan mengadakan kerjasama dengan Kerajaan² Negeri atau dengan lain² perkataan bila Yang Berhormat Menteri melawat ka-negeri², maka satu kerjasama dan rundingan patut-lah di-adakan dengan Kerajaan Negeri supaya kawasan² di-luar bandar, terutama sa-kali di-sekeliling² kampung kita, di-luar² bandar di-dapati semak² samun, pokok² kayu atau kawasan² yang tidak di-jadikan patut-lah pehak Kerajaan Negeri melaksanakan satu bahagian di-dalam Undang² tanah-nya ia-itu undang² menggunakan tanah ia-itu dengan chara apa yang di-fikirkan baik supaya tanah yang terbiar itu di-gunakan dan dengan chara itu kebersihan di-dapati di-keliling kampung itu, maka ini ada-lah satu chara atau jalan juga untuk menchegeh merebak-nya atau kebiakan nyamok² yang akan mendatangkan penyakit malaria.

Tuan Pengerusi, membawa pula kepada kawasan dalam bandar, perkara ini sering sa-kali kita dapati sampah sarap, tong² atau pun tin² susu sering di-sepahkan di-merata² tempat terutama sa-kali kawasan bandar² yang kecil yang ini juga ada-lah satu perkara yang akan merebakkan atau membiakkan nyamok dan membawa kepada merebak-nya penyakit Malaria. Saya mengshorkan jikalau sa-kira-nya ini bukan-lah sa-chara terlaluan Kementerian Kesihatan patut-lah memikirkan kira-nya dapat di-adakan satu Undang² supaya mendumping rubbish atau pun membuang sampah sarap di-merata bandar sama ada bandar besar atau bandar kecil itu di-jadikan satu kesalahan.

Di-negeri² barat, Tuan Pengerusi, perkara ini memang ada undang²—itu memang ada—dan sa-saorang mithalnya kalau membuang puntong rokok sahaja di-tepi jalan mungkin boleh di-benda, kata-lah 10 shillings atau pun 5 shillings dan kalau perkara ini di-galakkan dengan ada-nya satu undang² yang saya sebutkan tadi, saya perchaya

daripada satu masa ka-satu masa, bandar² di-dalam negara kita akan mendapat nama dan pujian yang baik, terutama sa-kali daripada pelanchong² yang datang daripada luar negeri. Perkara ini saya dapati belum di-adakan lagi, tetapi kalau di-dalam kawasan Ibu Kota ini nampak-nya bersehh, tetapi kalau kita pergi kapada kawasan² bandar yang kechil, tidak payah-lah saya cheritakan dengan lanjut lagi, Tuan Pengerusi.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya berharap kapada pihak Kementerian ini sa-bagai mengulangi rayuan saya pada tahun² yang lalu dan mungkin barangkali saya juga merayu sa-bagaimana rayuan yang di-keluarkan oleh sahabat saya daripada Parit tadi ia-itu membanyakkan lagi pegawai² kesihatan di-Pusat² Kesihatan luar bandar terutama sa-kali Pusat² Kesihatan yang besar sa-bagaimana yang ada di-kawasan saya di-Bahau. Di-Pusat Kesihatan sana, walau pun ada sa-orang doktor biasa dan sa-orang doktor gigi, tetapi doktor biasa ini boleh-lah di-katakan tiap² hari dia menjelajah pula di-sekeliling bandar Bahau itu membawa kapada 20 atau 25 batu jauh-nya daripada Bahau dan tinggal-lah pusat yang saya sebutkan tadi dengan tidak ada sa-orang pegawai pun dan kalau ada satu² perkara yang berlaku maka tidak-lah dapat di-rawat dengan serta merta.

Tuan Pengerusi, yang kedua, barangkali Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini telah juga mendengar bahawa ladang² besar di-sekeliling Bahau itu telah di-pechah²kan dan telah di-beli oleh orang² yang berkongsi atau pun persaorangan dan rumah² sakit yang ada di-dalam ladang itu dahulu sudah terbiar dan tidak terpelihara lagi dan tidak pula di-ambil berat oleh tuan² punya ladang yang telah di-pechahkan tadi dan akibat ini telah menyusahkan beberapa ramai penduduk dalam kawasan itu yang maseh lagi tinggal dan bekerja di-ladang itu walau pun mereka tidak bekerja dengan tuan yang lama-nya, tetapi dengan tuan² yang baru, tetapi tidak dapat peliharaan atau pun rawatan daripada hospital² yang ada dahulu yang sekarang telah terben-ge-

kalai atau pun tidak di-ambil berat langsung. Jadi dengan jalan ini-lah saya merayu supaya di-banyakkan lagi Pegawai² Kesihatan di-Pusat Kesihatan di-dalam kawasan Bahau itu yang di-dalam kawasan itu sahaja mengandongi tidak kurang daripada 50,000 orang. Saya tidak-lah, Tuan Pengerusi, hendak meminta sa-buah hospital yang besar daripada yang di-pohonkan oleh Yang Berhormat sahabat saya Wakil daripada Parit tadi, tetapi di-dalam masa lawatan Yang Berhormat Menteri satu masa dahulu, saya tidak dapat-lah hendak mengingatkan Menteri mana, kerana sa-bagaimana kata Yang Berhormat sahabat saya daripada Parit tadi, Kementerian Kesihatan ini bertukar² Menteri-nya, tetapi ada jaminan supaya kawasan di-Bahau itu di-buat sa-buah hospital kechil sakurang²-nya di-dalam 50 tempat tidor bagi sementara untuk membawa pesakit² ka-Kuala Pilah yang sa-jauh 16 batu dan daripada janji-nya itu kawasan Reserve Hospital telah ada, tetapi bila di-ulangi balek, dia kata peruntukan tidak ada. Jadi kalau sebelum dapat di-buat hospital itu rayuan saya hanya-lah lebehkan-lah sedikit pegawai² di-situ dan kalau dapat, dahulu Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen pun ada berjanji hendak memberikan sa-buah ambulan tetapi lama kelamaan, dia kata dukachita-lah Enche' Idris ambulan itu telah di-ambil oleh Hospital lain. Jadi saya merayu-lah supaya sa-buah ambulan di-tempatkan di-Pusat Kesihatan luar bandar di-Bahau ini, kerana kereta yang ada sekarang bukan ambulan ia-itu station wagon, tetapi kata dia boleh di-lipat di-jadikan ambulan, tetapi station wagon ini-lah di-pakai oleh tuan doktor tadi merantau ka-mana² dan meninggalkan Pusat Kesihatan ini. Jadi atas kesulitan ini, saya berharap Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen, Kementerian Kesihatan akan mengambill ingatan sa-kali lagi dan bagi pihak ra'ayat di-sana saya ucapkan terima kaseh.

Tuan Pengerusi: Persidangan di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.30 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.50 pagi.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua,
mempengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Dr Mohamed bin Taib (Kuantan):

Tuan Pengerusi, saya mohon izin berchapak di-atas Kepala Bekalan 27. Sunggoh pun saya boleh di-katakan tahu berkenaan dengan perjalanan Jabatan Perubatan, tetapi saya maseh ragu² tentang polisi Jabatan ini berkenaan dengan pembenaan rumah² sakit. Di-atas apa perkara atau factor-kah maka bergantung-nya pembenaan sa-sabuah rumah sakit atau kelinik pergigian? Ada-kah ini bergantung kepada bilangan penduduk, kemewahan bandar yang berkenaan, berjauhan-nya daripada rumah sakit yang lain atau pun bergantung kepada perkara² atau factor² yang lain. Mithal-nya, di-Kuantan, Rumah Sakit Umum di-sana sudah di-ketahui burok, penduduk telah banyak bertambah, bandar telah bertambah mewah, tentang rumah sakit maseh tinggal dalam keadaan yang tidak memuaskan. Sa-tengah² wad di-sana, yang lain di-sini dapur di-situ, kawasan bilek perbedahan dan X-ray di-kawasan yang lain yang berjauhan daripada wad² yang ada. Inikah satu rumah sakit di-sabuah Ibu Kota. Sa-patut-nya Rumah Sakit Umum ini telah di-jadikan Teaching Hospital, tetapi dengan keadaan sekarang yang di-dalam serba serbi kekurangan, kekurangan alat², kekurangan kakitangan dan keburokan bangunannya, maka saya tidak nampak masanya bila Rumah Sakit Umum ini boleh di-jadikan satu Teaching Hospital. Tuan Pengerusi, ura² hendak membena Rumah Sakit Umum baharu di-Kuantan sudah lama ada, plan² telah pun di-kajikan, tapak telah sedia yang tidak ada hanya-lah perlaksanaan.

Tuan Pengerusi, bagitu juga di-Mentakab. Beberapa tapak rumah telah di-pilih berhampiran dengan hospital

yang ada sekarang di-Temerloh dan di-kawasan Jengka Tiga Segi; akhirnya senyap. Bagitu juga di-Jerantut. Jerantut ada-lah satu daerah, tetapi sa-hingga masa ini sa-buah rumah sakit pun tidak ada. Penduduk² di-sana telah mendatangkan beberapa permohonan, tetapi tidak berhasil. Di-sini saya suka menegaskan bahawa kita di-galakkan memberi nasihat kepada orang ramai supaya datang ka-hospital, supaya berubat di-hospital, tidak menggunakan dukon² di-kampung, tetapi malang-nya kesenangan tidak di-berikan kepada orang kampung ini. Jadi, apa yang kita katakan itu kita tidak kotakan.

Tuan Pengerusi, ada pun Kelinik Pergigian di-Kuala Lumpur ini ada-lah di-tempatkan di-sabuah bangunan yang burok. Kelinik Pergigian ini ada-lah memalukan penduduk² di-Ibu Kota ini, tetapi apa yang telah jadi, wang telah di-untokkan kerana mengadakan kelinik yang baharu, tapak pun telah dapat, tetapi malang-nya peruntokan telah di-tarek balek. Tuan Pengerusi, oleh kerana berlaku-nya perkara² yang sa-macam ini maka itu-lah saya sebutkan atau bertanya apa-kah polisi Kerajaan kita tentang pembenaan rumah² sakit dan kelinik².

Tuan Pengerusi, bagitu juga tentang polisi pertukaran pegawai² perubatan dan pergigian ka-luar bandar, terutama sa-kali ka-Pantai Timor. Sa-tengah² pegawai tidak pernah pun bertukar atau di-tempatkan ka-Pantai Timor atau di-luar bandar, tetapi sa-tengah-nya pula terpaksa berkhidmat dalam keadaan masa yang panjang di-Pantai Timor dan luar bandar. Ini telah mendatangkan perasaan tidak puas hati terhadap perkhidmatan ini, dan ada kala-nya menyebabkan sa-tengah² pegawai itu berhenti daripada jawatannya. Di-dalam keadaan kekurangan pegawai² pergigian pada masa ini maka pemberhentian ini akan merugikan perkhidmatan pergigian.

Tuan Pengerusi, saya di-fahamkan bahawa dalam tahun 1968, kalau tidak salah, ada 11 orang Pegawai Pergigian yang telah berhenti daripada jawatannya dan kebanyakan-nya ia-lah disebabkan kerana pertukaran ka-luar² bandar

atau pun ka-Pantai Timor. Maka di-sini saya suka mengshorkan supaya Kementerian Kesihatan akan bertindak dengan tegas berkenaan dengan ini. Umpama-nya jika sa-saorang itu di-kehendaki bertugas di-Pantai Timor, katakan, 3 tahun sahaja dan apakala sampai masa-nya, maka pegawai itu hendak-lah di-tukar balek ka-Pantai Barat dengan serta-merta, melainkan jika mereka itu sendiri suka tinggal dengan lama lagi di-Pantai Timor. Tindakan yang sa-macam ini, Tuan Pengerusi, hendak-lah di-ambil dengan segera demi kepentingan perkhidmatan ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pengumuman Yang Berhormat Pemangku Menteri Kesihatan bahawa Kerajaan sedang membincangkan atau menimbangkan soal mengadakan Fakulti Pergigian ada-lah sangat² mengembirakan, kerana pada masa ini bilangan Pegawai Pergigian di-Malaysia ini ada-lah sangat berkurangan. Ada pun bandingan atau ratio Pegawai² Pergigian dengan penduduk² di-sini ia-lah 1:35,000 orang dan di-negeri² yang maju perbandingan ini ada-lah lebeh kurang 1:2,000 dan di-negeri Denmark ia-lah lebeh kurang 1:800 atau 900 sahaja. Dengan ini nampak-lah betapa jauh-nya kita tertinggal di-belakang. Bilangan Pegawai² Pergigian yang ada sekarang ini tidak-lah menchukupi untuk merawat murid² sekolah pun, dan tugas Pegawai² Pergigian bukan hanya mengubat, yang lebeh mustahak lagi ia-lah menchegehah. Demi kepentingan kesihatan, maka Kerajaan hendak-lah membesarkan bahagian² di-dalam perkhidmatan pergigian saperti perkhidmatan pergigian hospital, pelajaran kesihatan pergigian dan perkhidmatan pergigian di-sekolah². Untuk menyempurnakan bahagian² atau perkhidmatan² ini, maka banyak lagi Pegawai² Pergigian yang di-kehendaki dan pada masa ini graduate² dari Universiti Singapura dan universiti² di-seberang laut tidak menchukupi dan dengan sebab itu pengumuman yang di-buat oleh Yang Berhormat Pemangku Menteri Kesihatan berkenaan dengan penubuhan Fakulti Pergigian itu akan mengembirakan semua pihak² yang berkenaan.

Maka di-sini saya suka mengshorkan sadikit sa-banyak berkenaan dengan *Flouridation* ia-itu champoran *Sodium Flouride* di-dalam ayer minuman kita. Kebanyakan daripada negeri² yang maju telah pun mengadakan kesenangan ini, *Flouridation* ini, faedah-nya banyak ia-itu mengurangkan dental caries atau pun keburokan, kerosakan gigi². Sa-benar-nya ini sangat mustahak dan patut benar bagi negeri kita Malaysia ini mengadakan *Flouridation* di-semua bandar² yang besar di-sini, jika tidak semua sa-kali. Saya tahu ada juga satu atau dua bandar yang telah mengadakan *Flouridation* tetapi ini tidak menchukupi. Jadi sa-kali lagi saya berkata, demi kepentingan kesihatan, maka Kerajaan negeri kita ini hendak-lah mengadakan *Flouridation* dengan sa-berapa segera-nya yang boleh. Harga-nya tidak berapa banyak, hendak mengadakan. *Flouridation* tidak begitu susah, apa yang hendak kita adakan ia-lah pelaksanaan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang patut di-sebutkan di-sini ia-itu berkenaan dengan kenaikan pangkat pegawai² perubatan dan pergigian yang mempunyai degree MRCP, FRCS, FDSRCS dan lain² lagi. Sudah ramai di-antara mereka ini yang sudah sampai kepada bahagian atas atau pun penghabisan tingkatan biasa—tingkatan timescale—mereka ini maseh ternanti² bila-kah jawatan² superscale akan di-buat bagi-nya. Di-harapkan Kerajaan akan menimbangkan di-atas perkara ini—satu perkara yang agak penting mudah²an perasaan tidak puas hati tidak akan merebak.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran (78) muka 310 saya ingin tahu ada-kah pegawai² ini bertugas di-Rumah Sakit di-Gombak dan jika ya, mengapa-kah bilangan pegawai² ini, pegawai² perubatan perkhidmatan orang² asli di-naikkan dari dua hingga lima. Apa-kah mustahak-nya maka di-bawa semua pesakit² orang asli dari tempat² yang jauh ka-Rumah Sakit di-Gombak ini. Bukan-nya pesakit² sahaja, biasa-nya family-nya pun di-bawa bersama². Bukan-kah ini membadzir? Dalam masa kita berjimat chermat perbuatan ini tidak sa-harus-nya berlaku, tidak-lah boleh pesakit²

ini di-rawat di-rumah² sakit yang berhampiran Tuan Pengerusi, ada-lah tujuan Kerajaan hendak menyatukan orang² asli ini dengan warganegara yang lain. Perbuatan menghantarkan pesakit² ini ka-Hospital Gombak adalah mengasingkan-nya dan bukan menyatukan-nya, khusus-nya ada-lah perbuatan ini membadzir dan ber-changgha dengan tujuan Kerajaan.

Tan Sri Hajjah Fatimah binti Haji Hashim (Jitra Padang Terap): Tuan Pengerusi, berchakap berkenaan dengan Kesihatan ini saya terlebih dahulu menguchapkan terima kaseh dan tahniah atas usaha atas kegiatan² Kerajaan, khas-nya Kementerian ini pada membaiki keadaan² dan layanan² yang patut di-ada dan di-berikan kepada pesakit² dan orang ramai. Ada perubahan² terdapat. Di-sambil itu, Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang ini untuk mengemukakan dan bertanya, apa-kah Kementerian ini dalam usahanya membaiki keadaan² di-hospital itu ada termasuk membaiki keadaan dan layanan kepada si-sakit yang mati dan keluarga² mereka. Jika ada, apa-kah chara² yang di-ranchangkan untuk mengurangkan rungutan² yang tidak puas hati dan sedeh yang timbul di-kalangan keluarga Islam si-mati itu.

Tuan Pengerusi, saya tahu peratoran² di-hospital jika sa-telah si-sakit itu mati lebeh daripada dua jam mayat itu mesti di-keluarkan dari ward kerana walau pun mayat itu tidak akan di-post-mortemkan, kerana hendak menjaga si-sakit yang lain di-dalam ward itu.

Tuan Pengerusi, ini selalu berlaku, bukan-lah sahaja kesalahan ini timbul atas kelambatan keluarga si-mati itu sahaja, kadang kala-nya timbul juga kerana kelambatan doktor yang untuk memberikan sains-nya mengatakan si-mati ini telah mati dan di-benarkan untuk di-bawa balek.

Tuan Pengerusi, kita tahu jikalau di-kalangan si-mati atau si-sakit itu dari keluarga orang besar² atau orang besar² sendiri, perkara ini tidak timbul. Kerana doktor sentiasa di-samping mereka sa-kira-nya nampak si-sakit itu

bertambah tenat, jadi apabila habis nafas di-hembus, maka terus-lah doktor memberi kebenaran boleh bawa balek, tetapi kapada orang² kebanyakan pernah berlaku, Tuan Pengerusi, kena tunggu mithal-nya doktor lambat, lebeh dari dua jam mayat mesti di-keluarkan di-bawa ka-tempat simpanan orang mati. Apa yang sedeh yang di-sampaikan rungutan kapada saya ia-lah kerana di-dapati maseh lagi tidak ada perubahan² ia-itu di-tempat simpanan orang mati bagi orang² yang Islam yang menjaga-nya itu maseh lagi daripada attendant² yang bukan orang Islam dan yang membawa-nya pun bukan Islam. Ini-lah yang di-rungutkan dan menyedehkan, Tuan Pengerusi.

Dan lagi juga kesusahan² untuk membawa balek mayat terutama kapada keluarga² atau si-mati ini yang datang jauh, mithal-nya daripada Batu Pahat, Muar atau Negri Sembilan kerana sakit yang pelek atau tidak dapat di-perbuat di-tempatkan maka di-hantarkan-lah ka-Hospital Kuala Lumpur, tetapi tidak dapat baik dengan Kuasa Allah telah menghembuskan nafas-nya yang akhir. Dan ini telah di-rasai oleh keluarga² orang kebanyakan atas kepayahan² ini, ia-itu ia-lah kerana yang menjaga rumah orang mati itu ada-lah bukan daripada orang Islam. Boleh jadi saya di-beri jawapan mengatakan oleh sebab orang menjaga itu mengikut giliran, kalau giliran-nya bukan orang yang Islam, maka orang yang bukan Islam-lah yang menunggu kalau Islam maka Islam-lah. Maka di-sini saya suka mengshorkan apa-lah salah-nya dalam usaha kita membaiki ini kita adakan peruntukan kalau belum ada ia-itu kita mengadakan pegawai kebajikan khas sa-kurang²-nya untuk menjaga atau mengambil tahu hal untuk memberi layanan kapada si-mati atau keluarga si-mati ini. Kerana banyak timbul di-situ sa-telah si-sakit itu mati saperti perkara untuk mendapatkan kenderaan membawa balek.

Dengan ada-nya pegawai kebajikan khas ini maka dapat keluarga² ini di-beri pertolongan, chara mana hendak membawa balek dan apa-kah kenaikan yang patut membawa mayat itu dan

tidak-lah timbul kesusahan² bagaimana sekarang ini. Hendak di-ambil teksi, banyak orang² teksi tidak mahu, kerana sueh, kata-nya, terutama sa-kali di-kalangan² teksi orang bangsa lain—bangsa China, sueh kata dia.

Di-Hospital tidak dapat memberikan kenaikan. Jadi keluarga orang yang datang dari luar mithal-nya dari Muar atau Batu Pahat dia tidak tahu di-mana hendak tuju, hendak meminta pertolongan mendapatkan kenaikan ini. Mereka mithal-nya boleh mengeluarkan bayaran sewa, tetapi di-mana mereka itu hendak contact atau hendak meminta pertolongan. Maka di-sini walau pun perkara ini kecil, tetapi rungutan² selalu di-dengar berhubung perkara ini. Maka dengan ikhlas saya harap Kementerian ini di-dalam usaha dia membaiki keadaan² dan memberi layanan itu dapat-lah di-baiki atas rungutan² seperti ini. Usaha-lah saku-rang²-nya di-adakan badan kebajikan di-kalangan pekerja² yang Islam di-Hospital, saya tahu mereka itu bekerja ada-lah berteime dan banyak urusan-nya. Jikalau mereka itu tidak upaya, tidak ada kesempatan maka di-pelawa-lah orang² masyarakat tempatan ini untuk memberi peluang bersama menguruskan jika ada berlaku seperti yang saya sebutkan tadi mudah²an chara ini dapat mengelakkan. Kesukaran² tersebut, perkara ini boleh di-buat, Tuan Pengerusi, kerana orang biasa, sungguh pun tidak di-ajak orang² di-luar itu mengambil bahagian di-dalam kerja² kebajikan ini tetapi ada kadang kala-nya bagi mereka pernah memberi pertolongan keluarga yang mendapat kesusahan dan juga mereka pernah mengajak orang luar dan orang luar sanggup juga memberi pertolongan² untuk menguruskan supaya mayat ini dapat di-bawa balek dengan segera-nya. Jadi begitu-lah apa yang saya bertanya dan saya hendak kemukakan kepada Majlis ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya juga ada-lah menyokong apa yang di-katakan, dan di-suarkan oleh wakil dari Parit tadi walau pun perkara pembangunan ini boleh di-jawab mengatakan perkara ini sa-patut-nya di-bawa dalam Pem-

angunan, berhubung dengan pembangunan hospital. Tetapi ramai sahabat saya telah menyentuh dan untuk supaya dapat peluang bersama saya juga ada-lah kemukakan bersama bangunan hospital dalam bahathan ini. Saya telah hampir 10 tahun dudok dalam Dewan ini dan pernah beberapa kali mengemukakan supaya di-dalam Daerah Kubang Pasu itu di-adakan sa-buah hospital, kerana berdasarkan penduduk di-situ sekarang telah lebih daripada 100 ribu orang penduduk di-situ. Walau pun boleh di-beri jawapan yang menyatakan di-Jitra itu hendak ka-Alor Star chuma 11 batu, tetapi penduduk²-nya 100 ribu orang, Tuan Pengerusi, dan pernah mendatangkan kesulitan² apa yang di-perkatakan oleh sahabat² saya terlebih dahulu tadi dan pernah berlaku pula tak chukup tempat di-Hospital di-Alor Star, hantarkan ka-Perlis. Nasib baik Menteri Besar Perlis itu ada-lah Menteri Kerajaan Perikatan di-terima-lah orang² saya dudok di-Perlis dan Menteri Besar sendiri datang pula memberi lawatan, tetapi terjadi kesusahan pula kepada keluarga² orang sakit susah jauh pula tempat hendak pergi menziarah saudara mara-nya dari kampung mendalam ka-Perlis atau ka-Alor Star.

Apa yang saya rungutkan sa-telah 10 tahun sejak saya berada di-sini maka di-dapati pelan pun tidak ada lagi; Kuantan tadi pelan dan tanah telah ada, tempat saya tak ada bayang ini semua pun, dan kedengaran terus ta' ada. Saya perchaya apa yang saya chakap, saya mohon ini, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Penerangan sokong saya kerana kawasan saya ini ada-lah satu Daerah dengan kawasan beliau. Dengan ini saya harap perkara ini dapat di-pertimbangkan dan mudah²an dengan ada usaha kita ini Insaha Allah ekonomi negara kita akan bertambah² dengan sebab berkat do'a orang ramai. Terima kaseh.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat):

Tuan Pengerusi, saya menguchapkan terima kaseh dan menyokong peruntukan Kementerian Kesihatan ini dan saya ada dua perkara sahaja, Tuan Pengerusi, hendak saya berchakap di-sini.

Yang pertama, Perkhidmatan Kesihatan Umum, muka 335 Pechahan-kepala 19. Tuan Pengerusi, oleh kerana kita sekarang sedang menuju pembangunan, zaman berdiri di-atas kaki sendiri, maka ada-lah di-harap kesihatan ada-lah menjadi perkara dalam kehidupan kita hari². Di-luar bandar penduduk² ada-lah maseh lagi berlainan sedikit kehidupan-nya daripada dalam bandar atau pun sa-tengah bandar atau sa-tengah luar bandar. Jadi di-luar bandar sekarang banyak kita mempunyai gadis² Melayu yang pemalu dan mereka mengikut 'adat resam dahulu kala. Maka kira-nya dapat rahmat Kementerian ini berikhtiar mengambil jururawat² dan penolong² jururawat daripada gadis² Melayu di-luar bandar ini yang kurang pengetahuan di-dalam masalah pelajaran di-lateh mereka sa-chara praktikal supaya mereka itu boleh membuat kerja-nya dengan senang dengan tidak terganggu.

Tuan Pengerusi, jururawat² dan penolong² jururawat yang sa-begini bukan-nya mereka tidak pandai tetapi oleh kerana mereka ini kurang pengalaman dalam hal pelajaran maka zaman beredar dan tertinggal-lah mereka itu ka-belakang. Jadi saya harap dapat Kerajaan ikhtiar supaya jururawat² dan penolong² jururawat luar bandar yang tidak dapat kesempatan berlateh menerusi ajaran² modern di-lateh mereka supaya mereka dapat mengikuti zaman dan dapat menyambung kehidupan mereka. Dalam melateh mereka itu saya harap, Kerajaan dapat mendirikan Pusat atau centre bagi melateh jururawat² dan penolong jururawat di-kampung ini di-adakan satu pusat latehan di-negeri ini untuk melateh gadis² supaya mereka tidak ketinggalan. Sekira-nya Kerajaan dapat mengikhtiar-kan maka sudah tentu-lah Kerajaan akan dapat merengankan sedikit beban-nya kerana kita pun sedar dan kita menggalakkan ra'ayat hidup di-atas kaki-nya sendiri dan tidak berminta² lagi daripada Kerajaan. Saya harap dengan sa-tinggi² harapan agar Kerajaan, khas-nya Kementerian Kesihatan, dapat melateh jururawat² dan penolong² jururawat di-kampung ini di-asoh kembali sa-chara moden mengikut zaman serta juga berikhtiar mendirikan Pusat²

berasingan daripada mana yang saya faham bahawa pusat yang ada di-dalam negeri kita ini sa-banyak dua buah atau tiga buah yang saya tahu di-Pulau Pinang dan satu lagi di-Kuala Lumpur. Maka saya berharap, Tuan Pengerusi, pihak Kementerian Kesihatan menu-bohkan satu lagi Pusat Latehan bagi gadis² yang saya sebutkan tadi ia-itu berasingan khas kapada gadis² kita orang² Melayu di-kampung² oleh kerana mereka itu ada-lah, sa-bagaimana saya sebutkan tadi, pemalu selalu tak dapat mereka ini berlateh di-pusat² sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi ada ia-itu di-Pulau Pinang dan di-Kuala Lumpur, juga di-tempat² yang lain.

Jadi saya tidak-lah hendak mengambil masa lagi dan beralah saya kapada belia² ia-itu Bahagian Latehan muka surat 336 Pechahan-kepala 22, dan yang ini yang akhir, Tuan Pengerusi. Dalam perkara latehan ini banyak latehan boleh di-buat atau boleh di-ajar ra'ayat kita tentang kesihatan. Dalam perkara kesihatan luar bandar sekarang mengikut apa yang kita dapat tahu masaalah tandas ada-lah satu daripada problem² kesihatan oleh kerana kita pun ada peruntukan dalam hal ini dan saya harap dapat di-atorkan satu kursus latehan kapada belia², katakan-lah bengkel kesihatan bagi membuat projek² kesihatan di-luar bandar. Yang pertama biar-lah saya shorkan kapada Kementerian Kesihatan membuat tandas siram atau dengan perkataan yang saya selalu di-dengar sekarang tandas sa-chara Siam. Kalau dapat kita atorkan latehan ini kapada belia² kita yang terutama-nya yang menganggor dapat mereka mengambil latehan bagaimana chara membuat-nya, mendirikan-nya, dan lain² chara faedah kesihatan. Apa yang saya dapat tahu pada masa sekarang Pusat² bagi perkara ini di-lateh di-seluruh Malaysia ini ada dua tempat ia-itu kalau tak salah saya satu di-Jitra di-Kedah dan satu lagi di-Rembau, Negeri Sembilan. Jadi saya harap dapat bengkel² kesihatan ini di-banyakkan lagi sa-chara meluas khas-nya di-dalam negeri Perak pun patut-lah di-adakan satu pusat di-sana. Lebeh² banyak lagi faedah-nya akan dapat kapada belia² ini. Tandas Siam ini, Tuan Pengerusi, kalau dapat di-beri latehan kapada

belia² kita di-luar bandar yang men-
nganggor maka dapat-lah mereka men-
chari nafkah sa-chara sambilan dari-
pada membuang masa yang tidak tentu
arah. Jadi saya harap dapat Kerajaan
melateh, melebehkan latehan itu ka-
pada belia² kita untuk masa hadapan.
Terima kaseh.

Tuan Ng Fah Yam (Batu Gajah):

Tuan Pengerusi, dengan izin saya me-
nyokong bagaimana peruntukan di-
hadapan kita ia-itu bagi Kementerian
Kesihatan dan saya suka menyentoh
satu perkara berkenaan di-muka 308
Rumah Sakit dan Gudang Ubat. Tuan
Pengerusi, saya mohon izin untuk ber-
chakap dalam bahasa Inggeris.

Sir, I would like to take this oppor-
tunity of acquainting you with facts
about the congestion prevailing in both
the 3rd class female medical ward and
the 3rd class maternity ward in Batu
Gajah District Hospital with the
attendant difficulties and inconveniences
which the female inmates there have
to put up with.

As regards the accommodation in
the 3rd class female ward, I was given
to understand that normally this ward
is suitable to house only 24 beds,
whereas at present the number has
been increased to 32 beds. In spite of
this short-term measure with 32 beds,
the problem of congestion still exists.
The primary reason for this is due to
the fact that there is no proper 2nd
class female ward in this Hospital and
the 2nd class female patients, if
admitted, are usually housed in 3rd
class female ward.

Several complaints expressing indig-
nations against this short-term arrange-
ment have been made to me during
my recent visit there. There is no
proper partition to separate the 3rd
class and the 2nd class female patients
so accommodated, and the latter claim
that they are entitled to better facili-
ties in view of the higher charges that
are levied upon them. It has come to
my knowledge that representations on
this matter had been made through the
Board of Visitors to the Administra-
tion departmentally but were of no
avail. In these circumstances, I hereby

request the kind attention of the
Honourable Minister of Health to this
matter.

Referring to the conditions of the
third class maternity ward, I have to
point out that it has become the pre-
vailing practice for the hospital to
discharge patients from 3rd class
maternity ward 24 hours after delivery,
in order to make room for fresh cases,
especially for those who come under
the ante-natal category. Discharging
patients in this manner is undoubtedly
unpleasant. The direction and the justi-
fication on either side is a matter of
opinion. Whatever the case may be,
Sir, my conclusion is that we are
urgently in need of an extension to
the 3rd class maternity ward, which
will help to solve our immediate pro-
blem there.

In conclusion, I have to point out
that the problem of the shortage of
doctors and nurses in this Hospital
still exists. Sir, this Hospital is under-
staffed where the medical staff is con-
cerned. It is an undeniable fact that
the Hospital has earned a good reputa-
tion of being one of the best and most
up-to-date Hospital in the whole
country, which is noted for its satis-
factory and efficient services rendered
to the public. It is also gratifying to
learn that patients from other towns
having hospitals there, have chosen to
come here for treatment. Even mem-
bers of the Royal family have gra-
ciously preferred to come here for
treatment from time to time, due to
the good work which the Hospital has
been doing.

Another point is this. A little less
than three years ago, I had the oppor-
tunity of addressing this House on the
condition of the Batu Gajah District
Hospital, with particular reference to
two propositions, namely (i) on the
necessity of fencing the first-class ward
compound and (ii) on the provision
and the maintenance of washing room
with dry air facilities for the children's
ward.

Therefore in the interest of the
patients, in general, and the Hospital,
in particular, I sincerely hope that all
the requests which I have submitted

to this House today will be given due consideration.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, in supporting the allocation asked for by the Ministry of Health, it has been a surprise to me, Sir, that very few speakers have thought it worth their while to compliment or to give encouragement to this Ministry for the wonderful work that is being done.

According to the Estimates asked for, i.e., \$149,555,000, on the Summary of Budget, page 141, we have the number of patients that have been attending the various hospitals and clinics, and this totals up to 12.9 million. In the course of the year, this Ministry has attended to 12.9 million patients in the various parts of the country, and it is something very, very encouraging that the amount asked for is a very modest amount of \$149.5 million only. According to my very rough calculation, this works out at about \$11.50 per patient attended to. This Ministry, Mr Chairman, Sir, attends to everyone in the country, everyone, whether he is in the town, whether he is in the country, whether he is in the school, or whether he is a small child even before he goes to school; and the number of complaints is so very few that this Ministry deserves the thanks of the country.

The next point, Sir, is this. I would like to thank this Ministry for having completed the Seremban Hospital, the 720-bed Hospital. In this hospital, I am told that it is the first Hospital in the State to have an intensive care ward, where accident cases and emergency cases have been attended to at any hour of the day or night including Saturdays, Sundays or holidays. In this, I would say that compliment should go to the Administration of the Hospital and the Rotary Club of Seremban. The Rotary Club of Seremban played a very important part, but that would not have been able to achieve much without the active co-operation of the Hospital authorities of Negri Sembilan.

The other point I would like to speak, Sir, is under the "Dental

Clinics". On page 141 of the Budget Summary, it says that the total number of patients attended to was and will be 1,750,000. Having to attend to such a large number of patients, Sir, it is a little disappointing that we do not have a full-fledged Dental Faculty in our University or in the Teaching Hospital. I am sure, Sir, with the very able leadership that we have in this Teaching Hospital—Professor Danaraj, who has devoted so much of his time and care to the Teaching Hospital, and the Vice-Chancellor, Ungku Aziz—I am sure, if these two master-minds put their brains together, we should be able to have a Faculty of Dentistry at the very earliest. It was very encouraging, when this Budget was presented, to hear that the Ministry is actively looking into the matter. Well, usually we hear the word "actively" but we are not assured how actively they are looking into it. (*Laughter*). But I do hope that they are really actively looking into it, and I feel that, among the things that require attention, this should be the most urgent.

Next, I would like to say a few words about the Hospital in Port Dickson. The Port Dickson Hospital has been supplied with an up-to-date Dental Clinic, but the Hospital is old, is a 150-bed Hospital, and we have only two doctors in that hospital. The average number of outdoor patients on a normal day is about 150 to 200—more often it is nearer 200—and on Mondays it is round about 300 patients. You can just imagine the position, Sir, with only two doctors to attend to 200 or 300 patients and then having to go round the Hospital, 150-bed hospital. It is expecting too much of them. After all, they are human beings; they are not super-human, and I would very strongly appeal to the Ministry that, if not more, at least one more doctor be added to the Port Dickson Hospital. The outdoor patients section could be enlarged because during the week-ends, in addition to the normal cases, that may crop up during the holiday season, we have thousands of people visiting Port Dickson. Some of them have minor

ailments, some have minor accidents, and these require immediate care.

In winding up, Sir, I would like to make a small criticism which has been passed on to me by several members of the public and some doctors. It was rather disappointing that the doctors who are on contract, several of the doctors who are contract, had their contracts terminated and were replaced by new doctors being brought from outside Malaysia. If these doctors' services had been terminated and they had been replaced by local doctors, it would be welcome. But terminating the services of doctors who have been in Malaya, who have come to understand the requirements of the local population, local habits and customs, by a new set of doctors who will have to re-study again, was something that we could not understand. The Ministry must have some good reason, but it is something that the public find it difficult to understand.

The other point that has been brought to my notice, Sir, is that we feel that there should be a little bit of relaxation where the National Language is concerned for the doctors. As I have just mentioned, in Port Dickson, the area that I can speak confidently about, where doctors have to attend to 200 patients on normal days, 300 patients on Mondays, and have to go round the wards, and are likely to get night calls, they, with the best intention in the world, may not be able to find time to study the National Language. Therefore, there should be a certain amount of relaxation or a longer period should be given to them. I do not say that they should not be asked to study National Language. They should be asked to study the National Language and they should pass the National Language. But considering the peculiar or the special difficulties that they have to face, there should be a certain amount of relaxation.

Lastly, Sir, I do hope that the two areas in my constituency—Pasir Panjang and Chua—could be supplied with better medical facilities. These are very minor suggestions, but taking

the whole Ministry as a whole, I think we should be very, very grateful to this Ministry. We have, in today's paper, a very famous visiting medical expert who has paid the highest compliment to our Teaching Hospital, and I think this is very well deserved and it should give further encouragement to the officers who are in charge of the planning.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, dengan ringkas-nya saya turut berchakap dibawah Kementerian Kesihatan, ada dua tiga perkara sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya hendak sebut ia-itu Kerajaan telah mengadakan satu Jawatan-kuasa Khas untuk membuat laporan berkenaan dengan kedudukan kesihatan di-Malaysia. Tetapi Jawatan-kuasa ini belum lagi dapat mengemukakan laporan-nya. Akan menjadi alasan-lah kepada Kerajaan bahawa peruntokan bagi Kementerian ini dan pembangunan-nya tidak dapat dilakukan dengan elok sa-lagi Jawatan-kuasa ini tidak memberi laporan-nya. Saya tidak tahu bila-kah laporan ini akan sampai dan saya minta Menteri Yang Berhormat tolong beritahu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, mengikut function atau pun tugas atau pun polisi yang berjalan di-Kementerian ini termasuk-lah the provision of rural health services ia-itu hendak memberi peruntokan kepada kesihatan di-luar bandar. Ini, Tuan Pengerusi, saya tidak nampak pelaksanaan-nya dapat dijalankan mithal-nya, Tuan Pengerusi, kalau saya hendak menuduh Kerajaan ini menganak tirikan negeri Kelantan pun boleh saya menuduh dan ini kalau saya membuat tuduhan ini akan menjadi satu bahaya dalam Pilihanraya tahun 1969. Kedudukan-nya bagini, Tuan Pengerusi, kadar atau ratio—bagi sa-orang doktor di-negeri Kelantan ia-lah 15,482 ia-itu 15,482 penduduk negeri Kelantan itu mendapat sa-orang doktor sedang negeri² yang civilized sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuantan tadi 2,000-3,000 dan ada negeri yang bagitu advanced bawah daripada satu ribu. Saya perchaya di-negeri lain daripada Kelantan tidak bagini, ini

akan saya ceritakan kepada ra'ayat Kelantan. Dalam masa 24 jam, Tuan Pengerusi, dalam satu hari satu malam kita ada 24 jam dan sa'at kita ada 86,400 sa'at. Kalau sa-orang doktor menghadapi 15,482 orang manusia saya dapati tidak sampai 6 seken kalau hendak memberi direct advice tidak ada masa, pulak² doktor itu tidak tahu berchakap Bahasa Kebangsaan dia akan bertanya, "Enche' datang dari mana, apa sakit?"—habis, ini-lah, Tuan Pengerusi, yang di-katakan anak tiri ini saya mendapat facts and figures daripada Kerajaan sendiri dan saya sedang menchetak benda ini akan saya sibarkan ka-negeri Kelantan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, kalau alasan Kerajaan mengatakan kurang doktor saya dapati pada tahun 1968 saya rasa figure saya ini betul saya harap betul ia-itu doktor yang berhenti daripada bekerja dengan Kerajaan 130 kah, 140 begitu yang masok bekerja 90 atau tak sampai 100 erti-nya doktor² kita yang berkhidmat dengan Kerajaan ini lebeh banyak keluar dari yang masok mengikut figure yang ada pada saya; pada tahun 1968 doktor sementara ada 76 orang yang berhenti 133 yang masok 98 boleh jadi daripada 98 ini termasuk 76 doktor sementara ini sa-patut-nya kalau keluar 133 masok sa-kurang²-nya kurang lebeh banyak itu juga baharu-lah tidak berlaku brain drain atau tidak berlaku kekurangan doktor. Kalau ini sendiri telah berlaku pada tahun 1968 saya bimbang pada tahun 1969 ini pun akan berlaku juga.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat daripada Port Dickson mengatakan kita tidak mempunyai sekolah pergigian. Ini memang benar, Tuan Pengerusi, hidup manusia pada satu segi nak makan dan gigi itu menjadi satu alat untuk memamah, kalau gigi sudah tidak ada, Tuan Pengerusi, atau gigi-nya kurang kuat erti-nya dia hendak memamah makanan itu tidak kuat dan tidak-lah patut bagi sa-buah negara yang sa-macam kita ini tidak mempunyai sekolah pergigian-nya, itu tidak patut sama sa-kali. Akibat daripada itu, Tuan Pengerusi, di-bawah kesihatan

luar bandar atau pun kesihatan kepada ra'ayat umum tadi saya dapati semakin lama Kerajaan Perikatan kita memerintah semakin berganda tiap² tahun orang menghidap penyakit gila.

Pada tahun ini meningkat 10,914 orang. Jadi pada tiap² tahun increasing—lagi lama Kerajaan Perikatan memerintah lagi banyak manusia² kena di-serang penyakit gila. Saya rasa ini pun

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya dapat tahu orang² penyakit gila ini banyak di-Kelantan, ada-kah benar?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya tidak mempunyai figure ia-itu apa yang saya chakapkan ini ia-lah figure² yang bertulis yang tidak boleh di-challenge. Jadi bukan berma'ana saya mengatakan Kerajaan Perikatan ini membuat anianya kepada ra'ayat—itu tidak munasabah—saya pun manusia juga, Tuan Pengerusi, tetapi yang saya kata ini kebetulan coincidence erti-nya sa-makin lama Kerajaan Perikatan memerintah sa-makin banyak orang gila sebab²-nya tentu-lah saya tidak tahu. Kemudian daripada itu pun penyakit cancer pun sa-makin bertambah. Pada tahun sudah 4,485 tidak dapat hendak di-selamatkan, mati 618. Sa-belum daripada itu kurang penyakit cancer. Jadi kalau kita hendak membuat conclusion sa-makin lama Kerajaan Perikatan memerintah sa-makin banyak penyakit cancer, sa-makin banyak orang gila dan lagi banyak yang ada.

Kemudahan² yang kita harap ia-lah berkenaan dengan penyakit² yang menimpa ra'ayat jelata. Batok kering pada tahun sudah 4,178 itu pun increasing juga bertambah daripada tahun² yang sudah. Tidak lain dan tidak bukan ada dua sebab, yang pertama polisi atau pun function Ministry ini tidak betul, yang kedua ada sebab² penyakit ini tidak di-siasat di-negeri ini, sebab itu-lah saya menuntut bahawa laporan Jawatan-kuasa tadi supaya di-cheptakan dengan demikian kita dapat-lah menimbangkan siapa yang salah dan siapa yang tidak salah dalam perkara ini, morally bukan salah betul niat-nya.

Kemudian daripada itu, Tuan Pengerusi, saya dapati di-negeri Perak yang malang, yang saya sebut tadi 4,178 batok kering ini di-negeri Perak sahaja. Di-negeri Perak-lah penyakit typhoid yang banyak sa-kali. Saya hendak sebutkan ini bukan saya hendak ungkitkan hubungan saya dengan Perak tetapi malang-nya di-negeri Perak ini penyakit typhoid dia-lah yang banyak sa-kali, penyakit batok kering dia-lah yang banyak sa-kali, penyakit; saya terpaksa minta ma'af kepada, Tuan Pengerusi, hendak sebutkan, penyakit orang perempuan—susah beranak pun di-Perak juga.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat):

Saya hendak bertanya Yang Berhormat itu bila PAS berkuasa dia dapat mengurangkan penyakit² itu di-negeri Perak?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, kita tidak kira yang itu, when we come to power we know what to do (*Ketawa*). Yang saya sebutkan ini ia-lah sa-bagai contoh ia-itu penyakit susah beranak pun di-Perak, typhoid pun di-Perak, batok kering pun kena di-Perak juga. Ini, Tuan Pengerusi, nyata-lah sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit tadi dan ini saya minta perhatian yang betul².

Yang kelima ia-lah berkenaan dengan penyakit V.D. (Venereal Disease) pun bertambah pada tiap² tahun. Pada tahun sudah, tahun 1968 4,346 lelaki, perempuan-nya 608 jumlah semua sa-kali 4,958, kalau di-gunakan logik dalam arithmetic nyata-lah female itu menaborkan penyakit V.D. itu di-kalangan ra'ayat kita sebab angka perbezaan ratio itu terlampau jauh antara dua, ini, Tuan Pengerusi, walau pun penyakit ini penyakit kecil tetapi di-sini-lah dudok-nya kesihatan-nya, kesihatan masyarakat kita dan ini bukan sahaja Kerajaan patut memberi ubat tetapi patut membuat satu penyiasatan bagaimana penyakit V.D. ini boleh merebak, ada-kah dengan banyak-nya tentera² Commonwealth datang berehat—rest atau pun on transit di-sini maka dia memberi dan mengambil V.D. di-negeri ini atau pun memang

penyakit ini ada berlaku dengan tidak di-ambil peduli.

Tuan Pengerusi, saya bukan sa-orang doktor sa-bagaimana sahabat saya yang baharu daripada Kuantan, tetapi perkara saya bukan doktor ini tidak pula menahan saya daripada boleh berchakap sedikit sa-banyak. Penyakit V.D. ini, Tuan Pengerusi, pada zahir-nya tidak begitu bahaya tetapi pada jangka panjang amat-lah membahayakan sebab dia akan melahirkan satu generation yang berkolomos dengan penyakit² sejak dia di-lahirkan lagi dan ini ada yang sa-tengah²-nya mata-nya tidak betul, ada yang sa-tengah-nya bermacam² chachat, kesemua-nya datang daripada penyakit V.D. Kita belum lagi mendengar Kerajaan kita ini membuat satu penyiasatan yang khusus berkenaan dengan penyakit V.D. ini.

Yang keenam berkenaan dengan ranchangan keluarga atau pun menggugurkan anak. Ini, Tuan Pengerusi, bukan saya hendak bahath dari segi hukum atau pun dari segi ekonomi tetapi saya hendak menyentuh dari segi kesihatan. Ranchangan keluarga atau pun menggugurkan anak, sa-bagaimana yang di-sebutkan di-Singapura atau pun memberi satu ajaran bagaimana hendak mendapatkan anak dengan angka yang tertentu, ini bergantung kepada kesihatan lebih banyak daripada bergantung kepada ekonomi dan ugama, sebab dalam ekonomi kalau kita hendak mengikut theory Malthus mithal-nya hendak memberi optimum population pun theory itu telah di-bangkang oleh orang lain tetapi kesihatan ini-lah yang tidak di-bangkang ia-itu mengemukakan satu² pengajaran baharu dari segi ilmu kesihatan dengan tidak mempunyai interim atau pun interval supaya ra'ayat itu mengerti apa yang mereka itu akan lakukan amat-lah merbahaya. Dia tidak sa-bagaimana theory ekonomi tidak sa-bagaimana theory pelajaran yang mana jika silap boleh di-betulkan dengan tidak memberi effect kepada jismani manusia, tetapi dari segi ubat kalau silap di-masa itu, Tuan Pengerusi, silap-lah segala²-nya, dia boleh mendatangkan bahaya dengan serta merta.

Akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, ia-lah saya hendak berchakap dari segi kawasan saya ia-itu di-Bachok. Sudah beberapa orang Menteri bertukar ganti pergi dan datang dan boleh jadi ta' datang-kah pada tahun yang akan datang lagi ia-itu sampai pada hari ini belum lagi di-dirikan sa-buah clinic centre atau pun kalau hendak kata hospital tentu-lah banyak belanja-nya tetapi satu pusat perubatan yang munasabah dengan penduduk-nya sampai 56,000—saya kira 60,000. Kalau ratio atau pun kadar di-negeri Kelantan itu 15,000 satu doktor nyata-lah Bachok itu berhak 3 orang sa-kurang²-nya sa-orang pun tidak ada, yang ada sa-orang Hospital Assistant itu pun chuti selalu untuk meshuarat UMNO mari bermeshuarat di-sini, tinggal satu orang tua pula yang itu. Ini, Tuan Pengerusi, memberi effect kepada ra'ayat di-situ.

Saya suka menerangkan kepada Yang Berhormat Menteri ia-itu saya membela Bachok bukan kerana saya membela kawasan saya—saya bukan orang Bachok, Tuan Pengerusi, saya orang dari tempat lain—tetapi apabila saya menjadi wakil ra'ayat menjadi kewajipan saya-lah dan hak saya-lah berchakap dalam perkara ini. Yang menyedehkan ia-lah tanah kita sudah siap, site-nya sudah siap dan saya jamin bahawa tanah itu boleh dapat, dan Menteri sudah pergi, buat jamuan teh, sudah sambut, tangkap gambar, berjabat salam, saya buka pintu motokar, saya ingat kalau dia hendak beri yang itu, dia balek, saya tanya macham mana berkenaan dengan hospital atau pun centre ini, saya balek fikir. Hendak balek fikir. Kemudian berjumpa pula dengan Menteri baharu, tidak berapa hari sudah tukar pula dengan yang lain, dan Menteri ini pun tidak ada di-hadapan kita, hendak merayu pun susah, kemudian pula hendak menunggu lama tentu-lah tidak dapat saya hendak menunggu lagi sebab tidak ada langsung di-dalam peruntukan sama ada di-dalam Budget Summary (Command Paper No. 4) dan begitu juga di-dalam Command Paper No. 3.

Maka conclusion saya sa-lagi Kerajaan Perikatan tidak menunaikan janji-nya di-Bachok dan sa-lagi dia

menganaktirikan dengan ratio 15,000 orang sa-orang doktor ini akan menjadi satu bahaya pada tahun 1969 dan saya akan kempen berhabis²-an bahawa Kerajaan Perikatan melalui Menteri Kesihatan-nya menganaktirikan negeri Kelantan.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap hanya dua perkara sahaja dalam B. 27. Yang pertama pada muka 335, Pechahan-kepala 5, Perkhidmatan Tabong Darah. Baharu² ini kita membacha dalam surat-khabar berkenaan dengan Tabong Darah ini kadang² di-hospital yang besar² apabila mereka itu hendak menggunakan darah terpaksa membayar \$50.00, \$100.00, \$200.00. Jadi ini menunjukkan Tabong² Darah ini terlalu kekosongan. Kalau kita tengok pada Pechahan-kepala 5, pada tahun 1968 anggaran-nya \$50,000 tetapi pada tahun ini telah turun \$48,000. Saya mengshorkan pada tahun 1970 patut di-tambah, dan saya mengshorkan juga, Tuan Pengerusi, supaya penderma² darah itu di-beri pingat yang berharga dan yang bermutu. Umpama-nya, sa-orang yang menderma darah sa-puloh kali mendapat pingat gangsa dan yang kedua bagi pehak yang menderma darah lima belas kali mereka itu di-beri pingat perak yang bermutu (sterling silver) dan yang pertama siapa yang menderma tiga puluh kali di-beri pingat emas 22 carat yang berharga, janganlah emas sador sahaja, sebab darah ini sangat berharga, Tuan Pengerusi. Sa-tengah daripada mereka takut hendak menderma kata-nya kalau kurang darah boleh jadi mati, tetapi yang sa-benar-nya tidak, kalau mereka itu ada darah tinggi, kalau berderma darah itu mengurangkan tekanan darah dan beri kebaikan pula kepada mereka yang suka menderma darah. Jadi, ini saya shorkan supaya dapat di-pertimbangkan oleh pehak Kementerian. Saya perchaya kalau-lah pingat² yang berharga dan bermutu tinggi, insha Allah, banyak yang hendak menderma.

Saya beraleh kepada muka surat 338, Pechahan-kepala 60, Kereta Motor. Di-Johor Bahru pada masa ini di-General Hospital ada empat buah

ambulan dan keadaan ambulan sangat mendukachitakan oleh kerana dua daripada-nya ia-lah model tahun 1952 dan yang satu lagi model tahun 1957.

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Ahli Yang Berhormat itu telah pun berchakap pada masa membahathkan Belanjawan berkenaan dengan ambulan, dan saya telah pun berjanji ia-itu satu ambulan akan dihantar menggantikan yang lama itu. Jadi, saya ingat tidak payah bangkitkan, sebab saya terpaksa menjawab sa-kali lagi. Saya telah pun menjawab ia-itu saya akan hantar satu ambulan baharu ka-Rumah Sakit Johor Bahru. Ahli Yang Berhormat itu tidak ada masa saya menjawab perbahathan dasar 'am Belanjawan.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud: Saya ucapkan terima kaseh, tetapi kalau satu sahaja memang tidak cukup, sa-benar-nya hendak enam ambulan, sebab bandar Johor Bahru sa-buah bandar yang besar, penduduk-nya hampir 200,000 orang dan kema-langan boleh di-katakan tiap² hari. Ta' payah saya chakapkan, Ahli² Yang Berhormat boleh bacha dalam akhbar kadang² tiga orang mati, empat orang mati, kerana ambulan tidak ada. Bila mereka itu bawa orang yang kema-langan itu ka-hospital dengan kereta sampai di-hospital sudah lambat untuk di-rawat. Saya perchaya kalau ambulan ini cukup tidak ada kematian yang macham itu banyak sa-kali, dan bukan itu sahaja ambulan ini tidak ada per-kakas yang cukup saperti first aid, oxygen dan sa-bagai-nya. Sa-patut-nya dalam ambulan itu ada di-sediakan first aid kit, oxygen, darah dan sa-bagai-nya. Bila mustahak masa itu juga beri darah tidak nanti sampai ka-hospital berjam² lama-nya dan mengambil masa satu dua jam menunggu kereta lalu di-situ. Saya pernah juga membawa orang yang kemalangan pergi ka-hospital, habis kereta saya penoh dengan darah, kerana sudah menunggu ambulan satu dua jam tidak sampai, jadi apabila saya berjumpa perkara yang sa-macham itu saya mesti hantar ka-hospital. Itu kewajipan saya

sa-bagai sa-orang manusia. Jadi saya harap bukan satu yang kita hendakkan bahkan tambah lagi empat, sa-kurang²-nya dua pada tahun ini—dan cukup dengan alat² yang mustahak, kerana nyawa lebeh berharga daripada wang, terutama sa-kali ra'ayat pada masa ini boleh katakan hari² berkemalangan dan juga sakit² yang merbahaya dan yang katakan rawatan yang serta merta.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua: Masa hanya satu minit lagi. Mesnuarat di-tanggohkan sa-hingga pukul 4.00 petang.

Persidangan di-tanggohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1969

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Majlis Mesnuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan)

Kepala B. 27—

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Haji Mokhtar bin Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya meng-alu²kan Rang Perbekalan bagi Kementerian Kesihatan dan saya bagi pehak penduduk² negeri Perlis ada-lah meng-ucapkan ribuan terima kaseh kepada Kementerian Kesihatan yang telah menjalankan segala usaha dan daya-nya bagi kemajuan perubatan di-dalam negeri Perlis. Saya berasa bangga Perlis sa-buah negeri yang kecil telah mendapat perkhidmatan² kesihatan yang chemerlang sa-kali. Tuan Pengerusi, menyentoh saya B. 27 muka 305—Kementerian Kesihatan dan Perkhidmatan Tabong Darah muka 335, Perkhidmatan Menchegah Malaria muka 334.

Tuan Pengerusi, daripada mula persidangan ini saya telah kemukakan juga soal² jawab mulut berkenaan

dengan perkhidmatan Tabong Darah. Memandang daripada siaran² akhbar yang telah menyebutkan bahawa di-dalam Perkhidmatan Tabong Darah ini ada beberapa perkara yang telah terjadi di-sekitar bandar² yang besar seperti mana yang telah di-sebut atau di-siarkan di-dalam akhbar ia-itu satu pint darah berharga \$200. Apa yang saya hendak berkata di-sini, kejadian² ini pernah berlaku terutama sa-kali di-dalam negeri Perlis dan ada yang telah menjadi mangsa berkenaan dengan perkhidmatan darah ini. Umpama-nya, Tuan Pengerusi, satu orang telah mendapat kemalangan berkehendakan kapada darah, kemudian oleh kerana tidak ada darah simpanan di-dalam Tabong Darah maka terpaksa-lah warith² yang mendapat kemalangan tadi menchari sa-siapa yang hendak menderma darah-nya. Biasa-nya yang menjadi mangsa ia-lah mereka² yang tidak begitu siuman dan tidak begitu cherdek mereka dapat di-pengarohi oleh warith² tadi untuk mendermakan darah dengan membayar sekian² harga dan oleh kerana tersangat banyak dan beberapa kejadian telah berlaku kapada si-polan itu akhir-nya orang yang menderma darah tadi menjadi mangsa dan mati. Jadi oleh kerana memandang kapada perkara Tabong Darah ini ia-lah satu perkara yang paling mustahak sa-kali bagi kemajuan kesihatan di-dalam negara kita Malaysia maka saya menguchapkan berbanyak² terima kaseh kapada Kementerian yang telah berjaya menubuhkan Perkhidmatan Tabong Darah di-peringkat kebangsaan dan saya berharap dengan ada-nya Perkhidmatan Tabong Darah bagi peringkat kebangsaan ini maka dapat-lah mereka itu menjalankan tugas² dengan membuat dasar² yang sa-benar supaya masalah Tabong Darah ini tidak akan berbangkit lagi pada masa yang akan datang.

Berbangkit apa yang telah di-zahirkan oleh wakil dari Johor Bahru Barat bahawa bagi orang yang menderma darah itu hendak-lah pihak Kerajaan memberi bintang dan sa-bagai-nya tetapi bagi diri saya, Tuan Pengerusi, lain pula yang saya hendak shorkan. Saya pernah juga bertemu dengan orang² yang menderma darah tadi

mereka berkata, mereka telah banyak menderma darah di-Hospital². Apa yang mereka harap ia-itu layanan² yang baik terhadap mereka dan terhadap anak isteri mereka. Jadi itu-lah yang saya mengshorkan supaya untuk mem-balas budi baik kapada penderma² tadi maka Kerajaan hendak-lah mengadakan satu peratoran supaya memberi layanan istimewa kapada penderma² darah tadi, bagitu juga anak isteri mereka manakala mereka masok berubat di-Hospital² di-tanah ayer kita ini.

Kemudian menyambong saya pada muka 334—Perkhidmatan Menchehag Malaria. Saperti, Tuan Pengerusi, mana yang kita sama² tahu bahawa negeri Perlis ada-lah satu kawasan malaria dan saya uchapkan ribuan terima kaseh kapada Kementerian yang telah mengusahakan dengan bersungguh²-nya untuk menchehag atau menghapuskan penyakit malaria ini dan perkhidmatan² yang tersebut sekarang ini sedang di-jalankan dengan giat-nya di-dalam negeri Perlis ia-itu dengan chara menyemborkan ubat² di-rumah² dan di-lain² tempat. Tetapi apa yang saya hendak sebutkan di-sini ia-itu saya telah mendapat rayuan² daripada penduduk² luar bandar berkenaan dengan masaalah menyembor ubat ka-dalam rumah² dan di-luar² rumah, ubat itu biasa-nya ia-lah berwarna puteh yang sa-umpama kapor dan kebanya-kan rumah² luar bandar di-dalam negeri Perlis ini ia-lah rumah papan yang sa-tengah²-nya rumah² itu chan-tek juga sa-belah dalam dengan di-sapu minyak dengan elok. Jadi mereka berkata, dengan menyembor ubat² yang puteh ini maka banyak-lah menjadi kerosakan kapada rumah² mereka, kerana warna ubat itu puteh dan rumah itu papan jadi habis-lah kotor di-dalam rumah² itu yang mana kalau hendak di-sapu pun jadi tentu-lah tidak menjadi begitu elok. Jadi apa yang saya mengharap-kan kapada Kementerian, tidak-kah boleh ubat² itu sa-lain daripada warna puteh, kita jadikan warna sa-bagaimana warna kayu. Jadi manakala di-sembo- ubat itu maka tidak-lah nampak kotor di-dalam rumah² itu dengan warna yang puteh. Jadi saya berharap-lah supaya pihak

Kementerian dapat menimbangkan dan berikhtiar bagaimana supaya warna yang puteh tadi dapat di-tukar menjadi warna kayu.

Dan pada akhir sekali Tuan Pengerusi, berkenaan dengan lenchana. Kita telah sama² mendengar bahawa Kerajaan akan mengadakan satu lenchana yang akan di-pakai oleh sekalian kakitangan² di-dalam jawatan perkhidmatan kesihatan dan berkenaan dengan lenchana itu telah juga di-bantah oleh Kesatuan² Sekerja Hospital. Jadi saya berharap-lah lenchana ini ia-lah satu perkara yang baik dengan tujuan bahawa kita mengadakan lenchana itu supaya dapat kakitangan hospital itu bekerjasama yang saling mengerti dengan penduduk² atau ra'ayat² yang duduk di-luar bandar yang datang berubat. Saya pernah juga menerima aduan daripada penduduk² luar bandar mereka kadang kala-nya kalau pergi mengambil ubat di-hospital dan kadang kala-nya di-tengking dan sa-bagai-nya terutama sa-kali oleh nurse² dan sa-bagai-nya, maka bila saya tanya kepada mereka itu dapat-kah mereka itu memberi tahu nama² mereka. Jadi jawapan mereka tidak tahu. Jadi saya rasa dengan kita adakan lenchana itu maka dapat-lah perhubungan yang lebih rapat dan saling mengerti di-antara ra'ayat dengan pegawai² yang berkhidmatan di-dalam Jabatan Kesihatan.

Jadi itu-lah sahaja saya berharap bagi pehak kakitangan kesihatan pula tentu-lah tidak menjadi keberatan menerima chadangan hendak mengadakan lenchana nama yang akan di-tulis pada lenchana itu kerana ini ada-lah satu chadangan yang baik yang dapat meng-hilangkan ragu² dan shak wasangka di-antara penduduk² luar bandar dengan Jabatan Kesihatan. Jadi pada akhir-nya saya memberi sokongan penoh di-atas Perbekalan Kementerian Kesihatan ini. Terima kaseh.

Tuan Tai Kuan Yang (Kulim-Bandar Bharu): Tuan Pengerusi, saya bangun memberi sokongan dengan sa-penoh²-nya atas Anggaran Perbelanjaan yang di-buat oleh Kementerian Kesihatan berjumlah \$149 juta untuk memperbaiki kemudahan² perubatan dan pergigian di-kawasan² luar bandar. Saya ucapkan sa-tinggi² tahniah dan terima kaseh.

Tuan Pengerusi, saya berchakap muka surat 338 Pechahan-kepala 64, Kelengkapan Ward dan Rumah Sakit. Dalam kawasan saya ada bangunan rumah sakit yang lama, tetapi maseh hendak di-pakai lagi. Tiap² ward rumah sakit tidak di-pasang siling, di-mana-kah ada kebersehan jika ward² tidak bersiling. Tuan Pengerusi jika dalam hujan lebat atau angin bertiup semua kotor itu jatuh ka-dalam katel atau muka orang² sakit. Saya berharap Menteri yang berkenaan akan mengambil tindakan dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil peluang berchakap dalam muka surat 339 Pechahan-kepala 75—Alat X-ray dan Radas-nya (X-ray Sets and Apparatus). X-ray di-Rumah Sakit Kulim yang telah tua yang mana alat²-nya yang tidak sempurna lagi. Dalam tahun ini anggaran ada-lah sebanyak \$288,866 berbanding, dengan tahun lepas lebih \$8,000. X-ray dalam rumah sakit ada-lah perkakas yang penting digunakan. Saya harap di-tukar atau diganti dengan yang baharu, moden dan di-sini saya shorkan kepada Menteri yang berkenaan dalam Rumah Sakit Umum Kulim di-sediakan portable X-ray Sets untuk di-gunakan bagi tiap² ward.

Tuan Pengerusi, saya ada terima sungutan² yang di-buat oleh ra'ayat dalam kawasan saya di-Kulim/Bandar Bahru mereka mengatakan di-Rumah Sakit Umum Kulim tidak ada Specialist datang dan lain² Specialist. Tidak-kah boleh Kerajaan mengikhtiarkan menghantar Specialist tersebut datang ka-Rumah Sakit Umum Kulim bagi tiap² minggu atau dua minggu sa-kali dengan tidak payah pesakit² yang kurang mampu di-hantar ka-Rumah Sakit Umum Alor Star, sebab dari Kulim ka-Alor Star tidak kurang 70 batu dan saya berharap Menteri yang berkenaan mengambil timbangan dalam perkara ini. Sekian, terima kaseh.

Tuan Geh Chong Keat (Penang Utara) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I would like to speak on Head B. 27 and the relevant Sub-heads pertaining to the Honourable Minister, Doctors, Hospital Assistants, and others. Before proceeding further, I would like to give my compliments

to the Minister, the Parliamentary Secretary, the officials of the Ministry and the various members of the staff at various levels for the progress they have made in improving the health of the nation, in general.

Mr Chairman, Sir, speaking on the item, Menteri, it is usual either to pay compliments or to accord some criticisms or suggestions. In my case, I am sometimes very unpredictable, but as I have done my duty in paying my due compliments, I must also request the Minister to look into the general planning of the hospitals of the nation as a whole. Now, for years, Penang has been the centre for the northern region—even for those patients coming from our neighbouring countries for treatment. Therefore, there is an urgent need for more hospital beds and more units for specialised treatment. In other words, we should have a cardiac unit which, though we were on the point of establishing one, had quite unfortunately been withdrawn to Kuala Lumpur; and our Eye Specialist too, I understand, will be transferred to Kuala Lumpur. So, instead of centralisation, let us work on decentralisation with various necessary nerve centres. Now, in this respect, I would like to request for the improvement of the General Hospital at Penang.

Sir, during the war days, we had experienced that when the enemy attacked the General Hospital, the patients there were all finished. We were given red paint to paint Red Crosses 10 feet in dimension all over the place, but still during the war days, as all is fair in love and war, they did not even respect the Red Cross. We have learned a lesson from that, and so it is very necessary to decentralise our hospitals. In this respect, I am very glad that Bayan Lepas is getting a sub-hospital, and I would like to request for one at Tanjong Bungah.

There has been much talk of this for many years. I understand during the pre-war days they even planned for this emergency decentralisation. Tanjong Bungah can offer a very good area where you can decentralise the ambulance service to cater for about 60,000 to 70,000 residents up to Telok

Bahang and with about 5 to 10 acres, I think this will act as another relief centre for the General Hospital, so that all the cases need not go to the General Hospital, except for those urgent cases that need immediate or more specialised treatment.

Mr Chairman, Sir, when we talk of the staff and request for more specialists, we must also think of the lower income group i.e. the hospital attendants and drivers and the other workers. While we have a very efficient Chief Medical Officer in Penang, we must also think of the workers who are attached to the various hospitals and I can speak for those in Penang Hospital, which I know more specifically than the others in general. If we expect maximum efficiency from our low-income group, they must have rest after their period of duties; but, unfortunately, this is the place where we felt that although we asked for maximum efficiency, we did not provide them with the maximum facilities. In short, I am asking for better housing arrangements for the workers. In Penang, which I know specifically of, they are provided with a house of only one room and one hall where the father, the mother, the sons, the daughters and the grandchildren all sleep inside there, and as a result of that, as the family grows bigger, the father and the sons, because of moral, have got to retreat into the passage way of the block. So, in other words, the father and the son have to sleep outside in order to make way for the female members of the family. Now, how can you expect them to work hard and give us maximum efficiency while on duty without sleeping, because people passing along the passage may be stepping on them, or they may be rolling all over the place very uncomfortably and they would not be able to have sound sleep to prepare them for efficient work the next day. So, in this respect, let us be fair to them. While we criticise and ask of these workers for more efficiency, more politeness, and more courtesy, we must also give them the maximum facilities in order to help them to carry on their duties as we expect of them in serving the public, in order to protect

or enhance the prestige of the Government.

Sir, as I said, while we pay compliments, we must also think of the effects and we must make our criticisms. In Penang, as I said, the Chief Medical Officer works very hard, and he feels proud that as a son of Penang, he has been given the opportunity to serve Penang. Therefore, within this period of his duty we in Penang are very satisfied and we say that he has worked much harder than any other Chief Medical Officer before him during the Merdeka period. He has gone round the wards to see that the windows are kept clean and well looked after. To complaints that we made in this House, the Minister replied that medicinal stain could not be removed, but it had been removed by this efficient Chief Medical Officer. Therefore, this is an example to show that, where we have an efficient man who comes from that very particular State, he should be given a chance to go back to it because the judgement will be made upon him by the people. The people will know his sense of responsibility and, shall we say, his loyalty in the form of gratefulness or gratitude to the people who have been helping him or who have been making him successful in his ambition. So, it is a form of repayment to the people in general, and whatever move he makes he feels that the people appreciate it and we really appreciate him and we are only too scared that he may be taken away by the Ministry because of his efficiency.

Sir, touching on foreign doctors, we are very grateful to the various friendly countries for offering their doctors to us. They are very efficient and they do look after the patients well but our problem is the language problem, the medium of contact, the medium of one telling the doctor his problem or what is he suffering from. Now, because of this language problem, another member of the staff or hospital assistant will have to be deployed to be with the doctor to explain to the doctor what the patient is trying to convey to the doctor. So, there is the gap, the problem, for which another

staff has got to be deployed. Now, Sir, I feel that this could be overcome if we offer our own graduates from the University of Singapore, the University of Malaya and other Universities recognised by this country, to give our citizens better facilities and better incentives. I am sure these doctors will not avoid the opportunity of showing their gratitude to our country. It is not because they are not loyal or because of the greed for money—we have heard of this in Penang during the last few years—the most of them resigned but because of misunderstanding with their Chief Medical Officer. One is a military man and the other is a civilian: one so used to the military way and the other is so used to being pampered in life; and as a result, during that period, I think, nearly 20 doctors resigned just because of this misunderstanding where a Chief Medical Officer has said: "If I ask you to sweep the floor, you may as well sweep it". That is not the language you talk to doctors. I am sure they are very well educated; they know their dedication and their duties to human beings. Therefore, I would request that, as a matter of encouragement for more citizens of the country to serve the country in this field, incentives and facilities should be accorded to them, and where they have a problem, like good elders, the Ministry must request or order the Chief Medical Officers to give them patient ears.

Sir, talking of efficiency, in the same manner as I spoke on the foreign doctors, I feel that the administration could be improved by employing junior clerks to take down records rather than employing a fully-trained hospital assistant just to do clerical work. If we employ more of these clerical staff, the trained staff could be relieved and I am sure this would effect more savings to the Ministry rather than what is happening now, where you pay a fully qualified man about \$600 to \$700 to do a job where a clerk can do it for about \$200. Sir, I am sure that, if this sort of system is utilised, we would be able to have more efficient service in the administration and better nursing.

Now, we in Penang also experience that it is easy to pay a deposit, but if you want to withdraw your deposit, then it will take months. It may be because that the financial arrangements are not very satisfactory. However, I feel that once a member of the public pays to the Government a deposit, it must be made easy for them to withdraw whatever balance that is due to them.

Sir, under the item of "Dieticians", I am quite confused in the matter of family planning. In the case of family planning, the Minister said that it is very necessary to control the over-explosion of population, and we have heard Yang Berhormat Menteri Pelajaran, who is the National President of the Family Planning Unit, saying how successful we have been and how many millions of tablets have been consumed. But the worry is that, Sir: while we feed our young mothers with these pills in order to curb the population explosion, we must also think of the antidote. Now, I understand, Sir, that these pills once taken in large quantity, will cause the waist-line of the women folks to be increased by over 40" as they grow older. Now, what will happen to us in a few years time? We will have a lot of people from the kampongs and the city coming out with a height of about five feet and with about 40 inches waist-line—this will really be tremendously out of proportion. Sir, I am sure we must have more dieticians to plan a programme. While we encourage them to help our country to control the over-explosion of population, we must also look after them well. We know that women are very proud of their waists and they are also proud of their figures. We do not want them, after five years time, to put the blame on the Ministers saying, "Look, you are the cause for all these out-size figures".

Sir, coming to more serious things in regard to dieticians, I feel that the Ministry must have a well-planned programme. While we make a programme for people to eat more fruits, to have more healthy condition of their body, we must also think of the growing

population. We must plan to encourage them to have a higher stature like what they do in Japan. As we all know, the Japanese are always short and, I for one, when I was in America, was mistaken for a Japanese. Therefore, I feel that we should pursue the same line like what is done in Japan—i.e. encouraging our people to eat more proteins, more fish, and food with high protein content in order to increase the body constitution for a better height and better stature.

Sir, under the Heading of "Filariasis Control", I would like to compliment the Ministry, especially the Health Section, for carrying out this work very efficiently. But nevertheless, I have a little bit of worry of mine, because in the whole of the State of Penang, I understand there is a little pocket in Permatang Pasir, where the people are suffering from yaws, elephantiasis and filariasis. In that area, we have a special type of mosquito, which, once it bites a person, and if infection is allowed to take place, one's foot will keep on growing to the size of an elephant's foot. So, I would like to appeal to the Honourable Minister, through the Honourable Parliamentary Secretary, for more effective control and, if possible, to eradicate elephantiasis and filariasis in that area.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya tidak hendak berchakap banyak pada petang ini hanya dua tiga perkara yang saya fikir patut dan boleh saya kemukakan pada Majlis ini. Saya berchakap B. 27 Kepala-kecil 1. Tuan Pengerusi, masalah kesihatan negeri kita sekarang ini telah nyata dan terang bahawa sanya kita maseh kekurangan doktor, pegawai² perubatan atau doktor perigian dan mana yang sa-tengah sudah ada sekarang ini, bila habis tempohnya, keluar membuat perniagaan sendiri dan kita dengar jeritan batin dari ra'ayat, kurang rumah sakit sana, kurang rumah sakit sini, Kerajaan boleh mengadakan rumah sakit, umpama-nya. Tetapi Kerajaan tidak boleh mengadakan serta merta ahli yang mahir dalam ilmu kedokteran ini, jadi masalah ini saya fikir, Tuan Pengerusi, sudah patut

kita kaji sa-mula bahawa sa-nya Kerajaan patut mengkaji kenapa doktor² tidak suka berkhidmat dengan Kerajaan.

Yang kedua, mengapa doktor suka membuat jabatan kedokteran-nya sendiri, mungkin kerana gaji-nya kecil atau layanan yang tidak begitu baik, 12 tahun lama-nya berbelajar, 7 tahun di-Medical College atau di-Universiti Perubatan, balek ka-sini dapat gaji lebih rendah daripada orang yang mengambil Arts. Manusia, Tuan Pengerusi, menchari jalan yang lebih mudah, lebih senang mendapatkan banyak habuan—ini sudah jadi adat manusia, bila saya merojokkan masalah ini, Tuan Pengerusi, kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya masalah kekurangan doktor kita ini hendak-lah kita kaji dan kalau perlu kita menubuhkan satu Surohanjaya menyasat kenapa dan sebab perkhidmatan kedokteran kita ini maseh kurang. Kita sudah 10 tahun Merdeka, Tuan Pengerusi, sa-patut-nya-lah masalah kekurangan doktor ini sudah boleh kita atasi, kalau tidak ada doktor dalam negeri kita boleh minta doktor dari luar negeri yang kita mengakui, Dewan ini mengakui banyak doktor luar negeri yang membuat perkhidmatan-nya yang baik. Kalau kita bangkitkan masalah kekurangan wang, mengapa Kerajaan kita tidak boleh menetapkan kelebihan peruntukan wang kepada Kementerian Kesihatan, sedangkan kesihatan ini ia-lah satu perkara yang paling penting. Tidak ada kebajikan yang lain yang boleh di-buat, tidak ada guna harta yang beribu ringgit jikalau kesihatan sa-saorang itu tidak sehat. Jadi saya memandang penting, Tuan Pengerusi, Kementerian Kesihatan ini, jadi sekarang ini ada juga sa-tengah² orang, Tuan Pengerusi, menyalahkan Kerajaan Perikatan, sa-lama dia memerintah ini banyak orang gila, banyak orang cancer, banyak orang darah tinggi, tetapi yang sa-betul-nya, Tuan Pengerusi, ada orang yang sakit darah tinggi, tetapi bila di-beri peluang ka-luar negeri dia masa itu juga baik, Tuan Pengerusi. Nasib baik dia tidak aral di-tengah jalan, kalau dia aral di-tengah jalan mungkin Pegawai Perubatan kita di-tudoh tidak memberi

chukup ubat dan rawatan kapada-nya. Tetapi, Tuan Pengerusi

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Dapat-kah Ahli Yang Berhormat itu menamakan siapa yang pergi ka-luar negeri yang jantung sakit itu.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin: Tuan Pengerusi, wakil Bachok ini sahabat saya, saya pelawa datang ka-bilek saya boleh beri dan nama-nya boleh terangkan.

Saya menyambong sa-mula ucapan saya, Tuan Pengerusi, fasal masalah kekurangan doktor tadi. Jadi saya mengambil berat walau pun masalah ini patut saya berchakap dalam dasar, tetapi sebab itu saya tujukan Kepala B. 27, Kepala-kecil 1.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, oleh sebab kita sekarang ini kekurangan rumah sakit, kita sudah ada pusat kesihatan hendak-lah juga kita kaji menjadikan pusat kesihatan ini sa-bahagian daripada rumah sakit. Tuan Pengerusi, saya tidak hendak berchakap berhubung dengan kedudukan tempat saya, saya fikir Ahli² Yang Berhormat sedia sedar. Satu kawasan umpama-nya di-Jerantut sa-buah jajahan penduduk di-daerah itu mesti mengambil ubat menemui doktor ka-Mentakab yang sa-jauh 40 batu daripada bandar Jerantut kalau dia ka-Lipis dia mengambil masa 65 batu. Rayuan ra'ayat, rayuan saya sendiri dalam Dewan ini berkali² mohon di-pertimbangkan supaya pusat kesihatan Jerantut itu di-jadikan rumah sakit. Jawab-nya tidak boleh, Menteri kata boleh tambah bed, kerusi, begitu bagini, sampai sekarang pun tidak ada. Jadi ini satu soal rungutan yang timbul daripada ra'ayat, saya tidak-lah Tuan Pengerusi, mengatakan masalah yang saya bangkitkan ini, saya faham sahabat saya Setia-usaha Parlimen, boleh jadi dapat menjawab-nya, tetapi biar-lah saya katakan supaya dasar pusat kesihatan itu kita ubah, pusat kesihatan ini menjadi rumah sakit yang kecil yang kita letakkan sakit yang ringan, yang boleh kita perubatkan boleh tinggal di-sana sa-kurang² 4-5 hari dan

10 hari, kita letakkan sa-orang pegawai atau doktor, kerana kalau sakit merbahaya kita hantarkan ka-rumah sakit yang banyak pegawai perubatan-nya. Saya fikir perkara ini tidak susah kalau kita rundingkan.

Yang ketiga, saya hendak terangkan, Tuan Pengerusi, masaalah penjual² ubat di-kaki² lima. Masaalah penjual² ini sekarang ini sudah berlanjutan, kalau kita pergi ka-mana² pekan sari di-luar² bandar, kita akan dapati pada hari minggu dan hari chuti umpama-nya, penjual² ubat di-kaki lima ini banyak bertaboran. Membeli ubat daripada Siam, daripada Bangkok, daripada Sungai Golok, kadang-nya ubat² ini di-beli dengan harga yang murah, di-jual kapada orang ramai dengan harga yang agak mahal. Sebab susah mereka hendak pergi ka-hospital, pertama-nya jauh, yang kedua menunggu giliran, kadang² sampai dua jam, apa salah-nya mereka beli ubat di-tepi² jalan ini dan ini pun satu pil yang baik juga pada hemat-nya. Jadi saya minta Menteri Kesihatan menengok di-atas masaalah penjual² ubat ini, supaya ra'ayat mendapat layanan yang baik, ubat yang baik daripada pegawai yang ada kebolehan dalam ilmu perubatan. Jadi kita tahu, Tuan Pengerusi, pada masa ini banyak kekurangan² yang di-timbulkan di-dalam buku Budget ini ia-lah kekurangan pegawai perubatan, pegawai pusat penyelidekan kesihatan berkehendakkan 65 orang pegawai, doktor perigian kita berkehendakkan 10 orang lagi tahun ini, pegawai, kesihatan kita berkehendakkan 26 orang lagi, pegawai perubatan pusat penyelidekan 10 orang lagi dan berapa orang lagi, ini yang saya semak ini kebanyakan-nya pegawai yang kurang-nya ia-lah pegawai perubatan dan pegawai kesihatan.

Ini-lah sebab-nya, Tuan Pengerusi, saya chadangkan supaya Menteri Yang Berhormat ini mengkaji sa-mula masaalah kedudukan pegawai perubatan sama ada pegawai perubatan dan kesihatan atau pegawai perigian. Kalau sa-kira-nya perlu gaji mereka ini mesti di-naikkan. Saya 100 peratus, Tuan Pengerusi, menyokong supaya peruntokan gaji ini di-timbangkan

sa-mula, itu sahaja jalan-nya yang boleh kita menarek supaya doktor² yang ada hari ini tidak akan lari membuka pejabat sendiri apabila habis tempoh dan kontrek-nya.

Tuan Pengerusi, saya beralah chapak saya pada B. 27 Kepala-kechil (40), Perkhidmatan Tabong Darah. Sa-bagaimana kata sahabat² saya tadi, saya menyokong penoh bahawasa-nya kita maseh berkurangan Tabong Darah dan ada pada masa yang akhir ini di-dalam Dewan ini sendiri pun menyatakan bahawasa-nya berkehendakkan darah itu pun di-beli sampai \$100, \$200 dan saya pun ada menempoh satu masaalah yang macham ini bila sa-orang China isteri-nya bersalin tetapi kekurangan darah dia tidak dapat hendak menchari darah kechuali kalau dia bayar \$50 dan saya menchari sa-orang dua dan saya sendiri menawarkan darah saya kapada-nya untuk mengatasi masaalah ini dalam masa kechemasan. Saya mengshorkan, Tuan Pengerusi, masaalah Tabong Darah ini hendak-lah di-jadikan satu perkara bukan macham sekarang ini sukarela sahaja. Ada dua masaalah yang timbul dalam masaalah ini, Tuan Pengerusi, bagi orang Islam hendak di-fahamkan membagi darah kapada orang bukan Islam ini harus-lah di-buat satu kajian dan pehak yang berkenaan boleh memberi petua bahawa tidak salah umpama-nya kita memberi derma darah ini sama ada kapada orang kita atau pun orang yang bukan Islam.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya mengshorkan pemberian darah ini perlu di-usahakan sunggoh² bukan masa tiba kechemasan saja mahu memberi darah kita katakan umpama-nya sa-orang yang hendak berkhidmat dengan Kerajaan kita meminta darah-nya atau dalam kumpulan latehan guru² umpama-nya kita terus bawa satu unit kita memohon izin memberi penerangan perlu Tabong Darah sekarang di-perbanyakkan. Pada hari ini, Tuan Pengerusi, chuma orang yang hanya ingat sahaja hendak memberi darah soal bintang, buat bintang, buat sador mas, tidak sador mas saya fikir itu tidak-lah begitu perlu kalau sa-kira-nya sebab dan musabab benda yang betul di-berikan pada-nya.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentoh B. 27 Kepala-kecil (62), Kelengkapan Perubatan dan Pembelahan. Yang kedua-nya saya suka hendak sentoh B. 27 Kepala-kecil (10) menggantikan perkakas² sudah jadi lazim Kementerian Kesihatan ini kalau hendak mengganti perkakas pun atau hendak mendirikan rumah² sakit pun di-chari bandar² besar dahulu, bandar² yang kecil itu di-kemudiakan sedikit. Jadi, kalau amalan ini di-amalkan ini saya fikir ini amalan pura², kesihatan tidak menentu kepada penduduk² luar bandar atau di-dalam bandar. Di-rumah sakit Kuala Lipis, Tuan Pengerusi, sa-buah rumah sakit yang awal di-negeri Pahang, first class atau kelas satu dengan kelas dua-nya itu rumah kayu yang berhampiran dan di-tengah² itu pula ada satu exchange talipon bila saya hendak pergi satu ward ka-satu ward hendak memberi tahu kepada pegawai yang bertugas exchange ini-lah yang di-gunakan. Jadi, berbunyi talipon tadi kadang² mengganggu orang sakit dalam ward 1 atau ward 2, Tuan Pengerusi, tidak-lah payah kita berchakap dalam Dewan ini tentu-lah pegawai yang initiative dalam perkara ini mengambil initiative, sa-patut-nya peruntokan khusus perkara ini ada di-buat. Yang kedua di-atas kelengkapan katil² di-rumah sakit di-sana itu, Tuan Pengerusi, kalau kita pergi chuma sapu chat sahaja tiap² tahun sapu chat rupa-nya baharu tetapi kalau kita lihat dekat² maka sudah patut katil itu di-penchenkan.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya mohon di-timbangkan juga tentang perkakas², dalam masaalah tempat orang ramai menanti giliran berjumpa dengan doktor patut perkara ini di-timbangkan dan saya pernah dengar pada masa Yang Berhormat Enche' Bahaman menjadi Menteri Kesihatan memperuntokkan \$5,000 untuk membuat tempat menanti out-patient duduk menanti giliran berjumpa dengan doktor. Tuan Pengerusi, lorong yang lebih kurang sa-luas 5 kaki di-untokkan tempat menanti di-letak bangku panjang yang keras itu di-sana-lah mereka duduk daripada pagi hingga tengah hari

menanti giliran-nya sampai. Saya mengshorkan kepada Menteri Yang Berhormat ini orang yang pergi ka-hospital itu semua orang sakit, yang perlu rehat, perlu di-beri tempat duduk yang baik tetapi mereka di-dudukkan di-atas bangku yang keras ini dia sudah-lah sakit, bangku pula keras, doktor jumpa lambat, datang dari jauh—ini semua perkara yang boleh menyebabkan dia memburokkan Kerajaan, orang PAS pun tiba. Dia pun kata dalam masa Kerajaan Perikatan orang sakit jantung banyak, sakit cancer banyak apa² lagi sakit banyak yang lebih² gila yang banyak. Jadi, kakitangan kita yang kadang² buat silap Kerajaan yang kena, jadi PAS ini dia senang sangat dia chuma PAS sahaja, masuk tidak masuk gol dia tidak kira dia kira PAS sahaja jadi ini-lah, Tuan Pengerusi, yang saya ingatkan pertama sa-kali minta perhatian kepada rumah sakit daerah saya. Yang kedua timbangan supaya pusat kesihatan di-Jerantut di-jadikan rumah sakit.

Tuan Mohamed Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Pengerusi, sa-sudah saya membacha Budget Summary ini, maka saya tertarek hati di-dalam penerangan-nya mengatakan bahawa tujuan Kementerian Kesihatan ini ia-lah hendak mengadakan perubahan bagi seluroh ra'ayat dan seluroh negara ini untuk meninggikan mutu kesihatan ra'ayat dan hendak mengadakan alatan² yang sa-chukup-nya.

Tuan Pengerusi, bila kita membacha tujuan ini maka tujuan ini amat-lah baik-nya, tetapi apakala kita perhati, kita lihat pada pelaksanaan, amalan dan kenyataan-nya, maka jauh lagi tujuan dan matalamat ini akan sampai. Chontoh-nya, Tuan Pengerusi, di-Besut, di-kawasan saya. Besut ada-lah satu daerah atau pun district yang penduduk-nya lebih kurang 70 ribu orang. Ada dua orang doktor dan sa-orang doktor gigi dan yang menyedehkannya, Tuan Pengerusi, ada sa-buah hospital di-Kampung Raja, tetapi bed atau pun tempat tidur-nya itu ada 46 bed. Di-waktu bekas Menteri Kesihatan ini melawat Besut satu masa dahulu, belum bertukar Menteri ini, maka rayuan telah di-kemukakan, kalau dapat

ia-lah mendirikan sa-buah hospital yang baharu di-Jerteh dan kalau tidak dapat di-lakukan itu, biar-lah di-tambahkan bed ini lebeh banyak lagi. Jadi, Tuan Pengerusi, 70 ribu penduduk dengan 46 bed, kalau di-hitong panjang maka kita dapati bahawa satu bed itu mesti di-gilir atau pun di-tunggukan oleh orang sakit di-kawasan itu, 1,500 orang lebeh. Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, bila ada kes yang serious atau pun kes yang berat, maka pehak doktor di-Besut itu tidak sanggup menjalankan rawatan-nya dan di-hantar-nya ka-State Hospital di-Kota Bharu, Kelantan. Jarak-nya Besut dengan State Hospital di-Kota Bharu ini ia-lah 45 batu. Kita anggarkan-lah bahawa perjalanan 45 batu ini mengambil masa satu jam. Jadi boleh jadi orang sakit, dan pernah berlaku, Tuan Pengerusi, di-dalam perjalanan, telah meninggal dunia atau pun sa-sampai-nya ka-hospital di-Kota Bharu itu meninggal dunia dan kalau tidak serta merta meninggal dunia pun, sa-sudah sampai di-sana di-beri rawatan, tetapi sudah tidak dapat di-sembohkan. Jadi saya harap-lah pehak Kementerian Kesihatan memikirkan soal ini. Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, pernah pehak doktor District Hospital di-Kota Bharu itu merungut apa-kah awak ini datang dari Besut, Trengganu, tidak ada hospital-kah di-Besut? Jawab orang sakit itu, kami di-minta oleh doktor di-Besut datang ka-sini. Jadi kata doktor di-Kota Bharu itu, barangkali agak-nya doktor di-Besut ini dia hendak kerja mudah bagitu sahaja. Bila ada kes yang terok maka di-hantar ka-Kota Bharu.

Tuan Pengerusi, saya fahamkan, jawapan akan di-beri oleh Menteri Kesihatan atau pun Setia-usaha Parlimen-nya, mengatakan bahawa kita tidak ada wang, ia-lah jawapan yang sa-macham ini pernah di-jawab di-dalam Dewan ini atau pun di-mana², tetapi bagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Lipis tadi, soal kewangan ini boleh di-fikirkan atau pun di-atasi. Soal² kesihatan ini ada-lah soalan yang paling penting sa-kali di-dalam hidup manusia lebeh²-nya di-zaman ini adalah zaman pembangunan. Sa-kira-nya ra'ayat di-dalam sa-sabuah negara itu

tidak sehat, maka kelancharan pembangunan-nya itu tidak akan dapat berjalan dengan baik-nya.

Tuan Pengerusi, kalau tidak dapat menambahkan bed, bagaimana yang saya maksudkan tadi, saya suka-lah mengeshorkan kepada Kementerian Kesihatan kalau boleh di-tambahkan lagi program lawatan ka-kampung² sa-bagai langkah menchegeh daripada bertambah banyak-nya penyakit atau pun orang² ra'ayat datang ka-hospital yang tidak chukup bed itu.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu saya terbacha di-dalam akhbar baharu² ini suatu keterangan yang telah di-kemukakan oleh Kesatuan Batok Kering di-negeri Trengganu, kata-nya sekarang ini makin bertambah ra'ayat di-seluruh negeri Trengganu ini kena penyakit batok kering dan berkaitan dengan ini juga, Tuan Pengerusi, saya suka sebutkan bagaimana kenyataan saya tadi, menyatakan bahawa hospital di-Besut itu ada 46 bed. Yang 46 bed itu, Tuan Pengerusi, ia-lah di-situ-lah juga orang yang mengidap batok kering dan orang yang berpenyakit lain. Dan ini juga saya fahamkan ada-lah suatu perkara yang harus di-fikir dan di-timbangkan oleh Kementerian Kesihatan sebab itu-lah pernah ra'ayat di-kawasan Besut itu membuat rayuan kepada Kementerian Kesihatan supaya di-dirikan sa-buah hospital di-Jerteh bagaimana yang saya katakan tadi dengan harapan dapat di-pisahkan orang yang berpenyakit batok kering itu di-letakkan bersekali dengan orang berpenyakit lain di-dalam sa-buah hospital. Jadi saya harap soal bertambah-nya orang² atau pun ra'ayat yang kena penyakit batok kering di-negeri Trengganu ini supaya di-siasat dan kalau boleh di-atasi bagi mengurangkan penyakit ini sebab kita tahu bahawa negeri Trengganu sekarang ini sedang di-dalam pembangunan. Jadi kalau ra'ayat-nya makin ramai mendapat penyakit batok kering, sudah tentu-lah tidak akan dapat mengikuti kelancharan pembangunan yang sedang di-jalankan sekarang ini.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu suka saya menyatakan bahawa apa

yang saya di-beritahu di-Hospital Kampong Raja itu generator-nya selalu rosak dan ini juga telah di-kemukakan oleh ra'ayat di-kawasan itu di-waktu bekas Menteri Kesihatan datang ka-Besut pada tahun sudah, tetapi jawapannya tidak tegas. Ini juga saya harap, Tuan Pengerusi, mendapat perhatian dan tindakan daripada Kementerian Kesihatan.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan bagi Kementerian Kesihatan di-samping itu, saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat Menteri di-atas satu masaalah ia-itu mengenai pemindahan mayat daripada Pulau Pinang ka-Seberang Prai dan Tanah Besar atau pun daripada Seberang Prai ka-Pulau Pinang. Manakala sa-orang yang tinggal di-sabelah Tanah Besar ini, sakit di-bawa pergi ka-Rumah Sakit Besar Pulau Pinang. Manakala dia meninggal dunia maka sangat rumit dan sangat susah bagi warith²-nya hendak membawa mayat itu balek ka-rumahnya di-sabelah Tanah Besar, sebab tiap² mayat yang hendak di-bawa menyeberang Selat yang kecil itu mesti mendapat satu surat kebenaran daripada Tuan Pegawai Kesihatan Pelabohan, mengikut undang² yang telah pun di-buat 70 atau 80 tahun yang dahulu. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan mengkaji perkara ini supaya boleh memansuhkan undang² itu dan tidak payah-lah mendapat kebenaran daripada Tuan Pegawai Kesihatan Pelabohan memada-lah dengan mendapat kebenaran daripada Tuan Pegawai Perubatan sendiri yang menjaga orang sakit itu atau pun yang meninggal dunia ditangan-nya pada masa dia mengubatkan orang itu, sebab bukan-lah orang itu mati kerana sakit berjangkit taon mithal-nya atau pun chachar, atau pun typhoid bahkan mati-nya ia-lah sebab penyakit² kebiasaan sahaja. Saya berharap-lah pehak Kementerian ini akan mengambil perhatian di-atas perkara ini supaya boleh mengurangkan ke-rumitan² yang sedang di-alami oleh pehak yang berkenaan ma'alom sahaja-lah pehak Pejabat Kesihatan Pelabohan pada pukul 4.30 sudah tutup. Waktu

4.30 sa-hingga pukul 8.30 pagi besok kalau mayat itu hendak di-bawa pulang ka-sini sangat-lah susah. Saya berharap-lah Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian di-atas perkara itu.

Yang kedua-nya, Tuan Pengerusi, mengenai pembedahan mayat, Perkara ini pada masa dahulu sudah pun ada satu perubahan dalam surat Perkeliling yang telah pun di-edarkan oleh Yang Berhormat Menteri dahulu kepada yang berkenaan supaya sekiranya sa-saorang itu mati dan tidak ada shak oleh pehak Polis fasal dia itu di-anayakan. Maka pehak Polis bolehlah membenarkan mayat itu di-bawa ka-rumah. Tetapi malang-nya saya sendiri sudah menempoh beberapa perkara sa-orang mayat mati tenggelam, mati lemas pehak Polis beri laporan "no suspect of foul play". Tetapi maseh lagi ada Doctor yang tidak begitu faham berdegil hendak membedahkan orang yang mati kerana lemas dalam ayer. Jadi, saya berharaplah supaya Kementerian ini mengeluarkan siaran beri faham kepada Doctor yang berkenaan dan juga kepada pehak Pegawai Polis supaya dapat bekerjasama dan dapat-lah mayat yang tinggal di-rumah sakit itu di-bawa balek ka-rumah dengan secepat mungkin, kerana Rumah Sakit Besar ada dilengkapi dengan bilek sejok. Tetapi kalau rumah sakit kecil itu tidak ada kelengkapan dengan bilek sejok mayat itu kalau di-tinggalkan sa-hingga 24 jam, sa-hingga 48 jam tentu-lah menjadi uzor dan sangat merbahayakan pula. Saya berharap-lah perkara ini dapat di-atasi sekira-nya pehak Polis tidak ada shak di-atas orang itu mendapat aniaya patut pehak Doctor yang berkenaan tidak payah lagi membuat pembedahan di-atas mayat itu. Ada di-antara pehak Doctor sendiri, Pembantu rumah sakit dia tidak faham apa erti post-mortem. Jadi, saya terpaksa bagi tahu dekat dia, kadang² dia kata post-mortem ini mesti kena belah. Saya kata, siapa beritahu dekat awak begitu. Post-mortem ma'ana-nya memereksa orang yang sudah mati sama ada hendak di-belah atau pun memereksa di-luar kulit sahaja. Jadi, ini ada juga masaalah yang tidak begitu faham, pehak yang kita katakan

orang ini chukup pakar tetapi ada di-antara mereka itu perkataan post-mortem pun dia tidak faham. Jadi, saya berharap-lah dapat di-beritahu kepada orang² ini dan dapat kita mengatasi masaalah ini.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya bagi pehak penduduk² di-Daerah Utara Seberang Prai, menguchapkan ribuan terima kaseh kepada Kementerian ini kerana dapat mengadakan sa-buah Rumah X-Ray di-Rumah Sakit Daerah Butterworth dan saya berharap-lah supaya pehak Kementerian ini buat satu kajian kemungkinan mengadakan sa-buah Rumah Sakit Besar di-Butterworth kerana penduduk² di-sana makin ramai tiap² bulan. Jadi saya berharap-lah supaya dapat di-adakan satu kemudahan kepada penduduk² di-sana yang keseluruhan-nya 150,000 termasuk Daerah Bukit dan Daerah Selatan ka-Rumah Sakit Besar dengan ada-nya chukup alat specialist-nya segala Jururawat-nya, maka boleh memberi lebeh kemudahan lagi kepada orang² yang ada di-situ. Saya perchaya kalau tidak di-ranchangkan pada masa sekarang ini kerumitan yang besar akan di-tempoh oleh Kementerian ini manakala terlampau ramai orang sakit di-Rumah Sakit di-Butterworth sekarang ini. Dan di-samping itu saya berharap buat kajian juga membesarkan rumah sakit beranak di-Butterworth kerana boleh di-katakan chukup kechil pada masa sekarang ini, kalau di-adakan sa-buah Rumah Sakit Besar dengan di-adakan sa-buah Rumah Sakit Beranak. Jadi dapat memberi lebeh kemudahan kepada penduduk² yang ramai bilangan-nya jika di-bandingkan penduduk² di-tempat lain. Terima kaseh.

Tuan Chan Siang Sun (Bentong) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I rise to support fully the Estimates for the Ministry of Health. There is a saying that, if you want to have a healthy nation, you have to have healthy people, and hence a very healthy Health Ministry. At the time when the Acting Minister of Health presented his Estimates, in his speech he did mention that his Ministry together with the Ministry of National and Rural Development are carrying out a test health project for every

State in West Malaysia. I think this is a very good move and I am sure the experience and the results gained in this test project will definitely benefit the whole country in the years to come. Here, I do notice that this project covers 56 kampongs with a population of about 29,500. Sir, I would like to appeal to the Minister that, if possible, we should also cover the new villages as well, because in some of these villages the hygienic conditions are still not so good, and I hope that these places will be covered in this project as well.

Next, I come to the hospitals. I have the idea that the allocation for our development has not been well balanced. I bring this up because I feel that most of these district hospitals have been neglected or rather overlooked. In my constituency, Bentong, we have been asking for a new maternity ward right from the time when Yang Berhormat Tan Sri Ong Yoke Lin was the Minister but until now we are still waiting for this maternity ward. At times, when I am hard pressed by my people, by my voters, I have told them that if I were to touch a lottery, I would give them the maternity wards. So, Sir, you can imagine how urgent this matter is.

Sir, the hospital, at Bentong as far as I know, was built 10 years before I came into this world, and I think it is now already 45 or 50 years old: so we do need this maternity ward urgently. I hope the Minister will try to put this into his Estimates, if possible, by next year, so that we can have this maternity ward.

Another thing that we need very urgently at this hospital is fencing, and fencing for this hospital will no doubt regulate the visiting hours; further if there is a case of emergency, we do not have people rushing in just like people do in a market—and this has happened many times. When there is an accident, you find people rushing in and the doctors just cannot carry out their work. Therefore, Sir, I hope we can get this fencing in the near future.

Now, Sir, I come to the Mentakab Hospital, and I am rather unfortunate to

have two hospitals in my area. In respect of the Mentakab Hospital, we have been making various appeals for improvement. We have made appeals to the Minister after he had visited our place, but until today we are sad to say that not much improvement has been done. I would like especially, besides the Maternity Ward which we would like to have, to appeal to the Minister to set up an Outdoor Department for the Mentakab Hospital, for the Mentakab Hospital covers the whole district of Temerloh, with a population from 80,000 to 100,000—and we do need a bit of improvement for this Hospital.

Now, I come to the anti-malaria services. We all know that there is a national scheme that is operating in the north of Malaysia, and we are given to know that by the time the scheme goes down to the East Coast, Pahang and all these States in the East Coast, that would be around about 1970 or 1971. It seems to me that in respect of the anti-malaria services at the district level, in my constituency, nothing much has been carried out, and many outbreaks of malaria cases have occurred—and recently even the District Officer himself also was affected by malaria, and quite a few of the Government servants, who live in the town area, were also affected by malaria. So, if it is possible, I too would like to appeal to the Minister concerned that we be given more funds, before the national scheme comes down, to carry on the usual anti-malaria services at the district level.

Sir, we do find much difficulty in getting doctors coming down to the East Coast to serve, especially in Pahang. We are all the time facing a shortage of doctors and I was also given to understand that some of these doctors when they are asked to serve in the East Coast or have been posted to the East Coast, they always come down and do some back-door string pulling and they all have been asked to stay back in the General Hospital in Kuala Lumpur. I do not know whether this is true, but if it is true, I think we should not allow

that to happen. We can give an assurance that if doctors are posted to the East Coast, we can guarantee them that the people in the East Coast are very nice people. Further these doctors, if they are posted to work in a State like Pahang, and other States in the East Coast, they can save a lot of money, because there are not much avenues for them to enjoy themselves, and I am sure they will find themselves comfortable and also, they can have a lot of outdoor patients' experience in the East Coast States.

Lastly, I have heard very recently that some of the doctors who have qualified in medicine from the University of Taiwan have been accepted to work in the Ipoh Hospital, and I do not know whether there is the acceptance by the Government for these doctors to be taken in as qualified or recognised doctors; if it is, I think that is a very good move, as this will open up room for those who are qualified from the Taiwan University in medicine. I think we should give this a bit of publicity, because a lot of them have been waiting for the Government to recognise their foreign degrees.

That is all I have to say, and thanks once again for allowing me the chance to speak. Thank you, Sir.

Tuan Pengerusi: Meshuarat di-tamponkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.15 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.30 petang.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatan-kuasa
Perbekalan)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Haji Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, saya dalam mengalu²kan anggaran yang dibentangkan oleh bagi pihak Kementerian Kesihatan ini, saya suka hendak

mengulas sedikit sa-belum saya masuk dalam perkara yang saya sebutkan ucapan yang di-buat atau pun sungutan yang di-buat oleh sahabat saya seberang sana wakil daripada Bachok. Ini ada-lah menandakan bahawa kemajuan yang telah dapat di-chapai oleh Kementerian Kesihatan dapat-lah kita banggakan daripada apa yang di-ulangkan-nya ucapan-nya dalam Dewan ini sa-telah penyata² atau penyiataan yang di-lakukan oleh pehak Kementerian Kesihatan dalam berbagai² aspek. Ini saya sendiri mengambil kesimpulan bahawa ra'ayat di-negara kita ini telah pun meninggalkan keperchayaan² karut dalam hal kesihatan dan mereka berlumba² berjumpa dengan pehak² yang berkenaan dan menyatakan sa-suatu yang patut dapat bantuan daripada pehak² Doktor atau pun yang bertanggung-jawab dalam hal kesihatan dan itu-lah sebab-nya maka jumlah pesakit² atau pun jenis sa-suatu penyakit yang di-hadapi oleh ra'ayat kita dapat kita ketahui dari satu masa ka-satu masa. Dan ini bukan-lah ma'ana-nya semenjak Kerajaan kita ini memerintah maka penyakit² ini makin banyak wal hasil ini-lah dia tanggung-jawab bagi pehak Kerajaan Perikatan menyiasat sa-benar²-nya ra'ayat dengan tidak terbiar sa-bagaimana kita di-jajah dahulu yang sakit itu tinggal sakit entah berapa banyak, kalau mereka sakit batuk kering sa-kali pun mereka berpendapat ini-lah batuk biasa atau pun batuk yang tidak merbaya. Jadi, saya dalam masaalah ini nampak sangat-lah persimbangan atau pun pemikiran bagi pehak wakil Bachok berchakap sa-belum saya beruchap atau pun pehak saya bangun menandakan bahawa perkara ini sangat-lah dengkil atau pun sangat-lah tidak munasabah. Dan saya mengalu²kan lagi peruntokan ini kerana banyak sangat sahabat² saya daripada mana sahaja pehak dan termasuk juga saya hendak merayu kepada pehak Kementerian ini untuk menambah atau pun hendak membesarkan lagi kerja² kesihatan kepada orang ramai, dan ini sangat-lah besar hati saya chakapkan kepada Dewan bahawa tiap² tempat tiap² pelusok ra'ayat kita sangat berkehendakkan rawatan dan sangat berkehendakkan bantuan nasehat² dari-

pada pehak yang tertentu ia-itu daripada pehak doktor atau pun pegawai² perubatan di-seluruh negara. Apa yang saya hendak shorkan kepada pehak Menteri apa-kah tidak dapat kita buat dalam masa yang akan datang dalam hal doktor² yang baharu tamat kerana kita banyak kekurangan doktor dan kita telah meminjam atau pun dapat bantuan daripada doktor luar negeri apa-kah tidak dapat lagi pehak Kerajaan membuat satu peratoran bahawa tiap² doktor yang baharu tamat di-mestikan bekerja dengan Kerajaan kalau tidak lama pun tetapi sa-kurang²-nya dalam masa 5 tahun walau pun mereka ini belajar dengan wang sendiri, dengan perbelanjaan masing² tetapi elok-lah saya rasa kita buat permohonan atau pun kita buat peratoran supaya doktor² ini dapat berkhidmat sa-kurang²-nya 5 tahun dengan tidak lekas sangat hendak menchari kekayaan atau menchari wang dengan chara menjalankan perniagaan sendiri. Kerana pada faham saya pekerjaan doktor ini yang di-utamakan ia-lah untuk membantu, atau pun menolong manusia. Jadi, bukan-lah soal kewangan. Jadi, soal membuat practise sendiri ini, saya rasa tentu-lah kurang per cent untuk kita hendak bekerja kepada orang ramai, kepada chara² hendak menchari wang.

Saya sa-kali lagi mengulangi dalam Majlis ini, dalam Dewan ini kepada chakap² yang saya rasa chakap² daripada pehak Kementerian ini pada masa lalu kepada rayuan saya umpama menjawab—ambil jawab sahaja dan kami yang ta'at ini, atau pun tempat² yang betul² yang tidak berbelah menyokong pehak Kerajaan ini, hanya menunggu² dan bila-kah, atau pun entah macham mana, tidak-lah sa-bagai rayuan sa-tengah² pehak yang lain terutama macham pehak Pembangkang, kalau dia chakap berkenaan dengan hal hospital—General Hospital Kuala Lumpur maka tindakan di-ambil oleh Kementerian ini dengan terus. Jadi, pada pehak saya, saya sendiri mendapat jawapan daripada Menteri yang berkenaan jawapan yang hanya hendak memenohkan sahaja permintaan, atau pun kata orang hendak melepaskan batuk di-tangga. Yang pertama entah

berapa kali agak-nya, sebab Kementerian Kesihatan ini ada dua tiga Menteri yang bertukar², tetapi dasar ini, saya fikir orang yang bekerja itu juga. Fail² itu juga, Saya menimbulkan hal Hospital Alor Gajah dahulu sampai sekarang ini begitu juga. Di-tonggokkan-nya semua orang² yang sakit yang ta' payah hendak di-ubat lagi, hendak rest, dan saya rayukan supaya Hospital Alor Gajah di-jadikan Hospital biasa tempat berubat sakit biasa yang tidak-lah agak-nya hendak menanti mesti mendapat chara berubat yang lebeh lengkap lagi. Di-Alor Gajah, Melaka saya rasa patut di-usahakan, patut dia majukan. Pada masa itu bagi pehak Menteri menjawab ya, ta' lama lagi kita akan pindahkan orang² itu kepada tempat yang lain. Ini akan kita berhubong dengan Kementerian Kebajikan untuk menempatkan orang² tua yang bagini, tetapi sampai hari ini dua kali pilehan raya tahun 1959 dan tahun 1964 perkara ini, saya rasa tentu-lah ta' boleh lagi kita hendak buat bagini dan bagi pehak saya sendiri yang mewakili kawasan itu saban hari hendak berchakap macham², Menteri berchakap insha' Allah, nanti-lah, inilah begitu bagini, pada hal Menteri apa yang di-sampaikan kepada saya yang saya sampaikan kepada orang ramai bagini, lain pula perkara-nya.

Kemudian saya masok lagi satu perkara, sebab saya ulangi saya tidak hendak berchakap panjang, saya tahu sebab saya sudah katakan tadi saya menyokong penoh di-atas apa langkah Kerajaan buat, terutama sa-kali apa yang di-sungutkan oleh mereka yang bersungut ini, ini ada-lah pandangan yang sengaja² untuk menchari, atau pun hendak melemparkan perkataan² yang tidak sa-imbang dengan keadaan orang ramai. Jadi, saya mengulangi lagi ada bagi pehak Yang Berhormat Menteri yang lalu berchakap bahawa sub-centre di-Masjid Tanah itu mula² dia tahun 1963 hendak di-jadikan *main centre*, hendak di-hantar sa-orang doktor dan sa-orang hospital assistant satu dua untuk menampong ada beberapa lagi sub-centre di-bawah, atau pun yang mendapat bantuan daripada Pusat di-Masjid Tanah. Kemudian di-ubah tahun 1964. Saya pun berchakap-

lah kempen, kemudian bila sampai habis pilehan raya tahun 1964 akan di-timbangkan tahun hadapan. Akan di-timbangkan tahun hadapan. Ini pilehan raya hendak sampai. Jadi, perkara ini kalau erti-nya Kementerian ini melihat perkara ini tidak boleh berlaku, apalah salah-nya mengatakan kepada saya dan saya akan sampaikan kepada tempat—Jawapan Menteri ini dengan terus-terang mengatakan ta' ada-lah, kita tidak akan buat *main centre* di-Masjid Tanah. Jadi, saya tidak-lah lagi hendak mengemukakan berapa ramai penduduk di-tempat saya, sebab ini tentu-lah bukan baharu, penyiasatan telah di-buat beberapa lama dan berapa ratus ribu kawasan saya penduduk-nya—itu ta' payah saya hendak sebutkan di-sini, sedangkan pengundi-nya sahaja yang berdaftar 36,000. Jadi, ta' payah-lah saya hendak mengatakan kawasan saya itu terlampau rapat orang-nya, atau pun begitu bagini. Jadi, ini-lah yang saya bangun berchakap, sebab saya hendak ketegasan daripada pehak Kementerian Kesihatan, ada-kah *main centre* di-Masjid Tanah itu hendak di-buat atau tidak, atau hendak di-kensel, hendak di-pindah kamana. Jadi supaya saya dapat faham yang sa-benar dan dapat-lah saya berpegang apa pula yang patut kita fikirkan pada masa yang akan datang. Jadi, saya harap-lah bagi pehak Kementerian sama ada di-beritahu hendak di-buat tahun hadapan lagi-kah, atau pun sa-lepas pilehan raya, atau pun bila² masa, saya pun menunggu juga perkara ini, sebab kalau hendak di-siasat dalam hal Kementerian Kesihatan ini apabila saya berchakap ini-lah perkara-nya, sebab kami sudah bermeshuarat bertingkat² daripada Pembangunan daerah sampai kepada peringkat Negeri pun di-tunjokkan tahun² ini, di-tunjokkan pula perkara ini mustahak, kerana daerah yang begitu ramai dan tempat orang-nya patut-lah di-adakan, di-tempatkan doktor. Jadi, saya ingat lepas daripada Alor Gajah dapat sa-orang doktor Korea yang di-pinjamkan dahulu, agak lepas itu Masjid Tanah-lah; rupa²-nya benda ini ta' tahu-lah saya bagaimana dia punya kedudukan-nya. Saya harap bagi pehak Setia-usaha Parlimen yang

akan menjawab ini dapat-lah menjawab yang benar² dapat satu ketentuan sama ada hendak di-buat, atau tidak dalam hal *main centre* di-Masjid Tanah. Terima kasih.

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak² terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang sa-ramai 19 orang yang telah memberi sokongan penoh di-atas peruntukan Kementerian saya yang berjumlah lebih daripada \$149 juta.

Ada di-antara Ahli² Yang Berhormat telah mengkeritik, tetapi keritik² yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat itu, saya anggap ada-lah keritik² yang membena dan saya akan sa-berapa boleh menjawab satu persatu berkenaan dengan tegoran² yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat.

Yang pertama Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam meminta supaya dimasukkan lagi banyak doktor² umpamanya daripada Russia dan Jermani. Kerajaan tidak berchadang mengambil doktor² lagi dari luar negeri pada masa ini, kerana bilangan Pegawai² Perubatan dalam Kementerian Kesihatan ini ada-lah bertambah dalam dua tahun ini, berlipat ganda lebih dua kali daripada angka 10 tahun dahulu. Pada masa ini kita ada 130 orang yang sedang menjalankan latehan, ia-itu "housemen" berbanding dengan hanya sa-tengah, atau sa-paroh sahaja pada tahun yang lalu. Di-dalam masa satu tahun yang akan datang ini, sa-kurang²nya 200 orang doktor² akan berkhidmat; dan Universiti Malaya akan mengeluarkan 60 orang doktor pada tahun ini dan di-antara 100 hingga 120 orang pada tiap² tahun yang akan datang, dan juga pada masa ini ada lebih kurang 300 penuntut² kita yang menuntut ilmu perubatan di-Universiti Singapura.

Berkenaan dengan doktor² yang mempunyai sijil² palsu, saya suka memberi tahu kepada Ahli Yang Berhormat ia-itu semua pegawai² perubatan yang di-ambil berkhidmat ada-lah mempunyai kelayakan² seperti yang di-kehendaki. Lembaga Perubatan Malaysia ia-itu Medical Council of Malaysia me-

mereksa dengan halus-nya tiap² permohonan pendaftaran daripada pegawai² perubatan. Dengan itu ada-lah tidak benar sa-bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan ada mengambil pegawai² perubatan yang tidak berke Layakan. Pegawai² yang tidak berke Layakan tidak akan di-benarkan mendaftar pada bila² masa sa-kali pun. Universiti Malaya atau Medical Faculty di-Universiti Malaya ini maseh menumpukan pengeluaran doktor² yang berijazah. Sa-bagai Universiti² yang lain², Universiti ini akan mengadakan pelajaran *post-graduate* supaya dapat mengeluarkan banyak lagi pakar² dalam masa yang akan datang.

Berkenaan dengan kekurangan Juru-rawat atau Penolong Jururawat dan supaya Jururawat² itu di-beri latehan peranchang keluarga, di-sini saya suka memberi tahu kepada Ahli Yang Berhormat, ia-itu satu mata pelajaran telah pun di-masokkan di-dalam pelajaran waktu mereka itu masok latehan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah membacha sa-puchok surat daripada Ketua Pegawai Perubatan negeri Perak, berkenaan dengan kekurangan Pembantu Rumah Sakit. Kementerian sedar akan kekurangan Pembantu² Rumah Sakit itu, dan dengan sebab itu-lah semenjak tahun 1966, Kementerian telah menjalankan ranchangan latehan kilat, ia-itu *crash programme* bagi pegawai² ini, sa-baik² sahaja mereka itu terlateh maka mereka akan ditempatkan di-kawasan² yang kekurangan itu terutama sa-kali di-kawasan² luar bandar.

Berkenaan dengan Rumah Sakit di-Changkat Melintang, saya berasa dukachita kerana mengambil masa yang panjang bagi melaksanakan ranchangan ini. Ini ada-lah di-sebabkan beberapa *factor* yang tidak dapat di-elakkan bukan sahaja oleh Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian² yang bersangkutan, akan tetapi saya sukachita memberi pengakuan kepada Ahli Yang Berhormat, ia-itu Rumah Sakit ini akan di-mulakan kerja²-nya di-dalam tahun ini juga.

Ahli Yang Berhormat dari Batu telah berchakap panjang berkenaan

dengan Tabong Darah, dan sa-orang pegawai yang berkhidmat di-situ. Saya suka memberi tahu, ia-itu sa-lain daripada kerja sa-tengah jam tiap² pagi di-penjara dan melawat sa-minggu sa-kali di-De-tention Camp, Pegawai Perubatan itu bekerja penoh masa di-Jabatan Tabong Darah Kuala Lumpur. Pada waktu bekerja, *cross matching* di-buat oleh Technician tetapi sa-lepas waktu kerja, *cross matching* itu di-buat oleh House Doctors. Saya ada penoh keyakinan kapada House Doctors kerana mereka telah pun di-lateh di-dalam perkara *cross matching* ini.

Berkenaan dengan itu juga Ahli Yang Berhormat telah mengatakan hanya sa-orang Supervisor sahaja atau penyelia yang bekerja di-situ. Sa-benar-nya ada dua, bukan satu, yang bertugas di-Rumah Sakit Umum Kuala Lumpur, tetapi pada masa ini sa-orang lagi sedang menjalankan latehan di-sebe-rang laut dan akan balek berkhidmat dalam bulan Jun, 1969. Dua orang Technician akan di-tambah dalam tahun ini.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh berkenaan dengan dua orang doktor yang terpaksa menunggu untuk di-ambil bekerja di-Kementerian Kesihatan. Tidak ada doktor² yang menunggu untuk di-lantek berkhidmat dengan Kerajaan. Yang Berhormat itu juga menyatakan bahawa 20 orang doktor telah menanti. Kedudukan ini ada-lah di-dalam pertengahan tahun 1968 dan ini ada-lah di-sebabkan bahawa perlantekan ada-lah sedang diselenggarakan oleh Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam. Oleh yang demikian ada-lah di-jangka masa yang perlu di-kehendaki supaya P.S.C. atau Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam dapat menerima permohonan² serta juga di-temuduga pemohon² itu semua. Walau bagaimana pun oleh sebab beberapa jawatan kosong telah terjadi maka Kementerian telah pun mengambil tindakan berhubungan dengan Surohanjaya yang mana telah pun bersetuju memberi kuasa kapada Kementerian untuk mengambil pegawai², ia-itu doktor² dengan sa-chara sementara. Berikutan dengan ini maka segala kehendak perlantekan pegawai² perubatan telah dapat di-selaraskan dengan serta-merta

dengan tidak membuang masa dan menyebabkan mereka menanti. Kementerian Kesihatan dengan sebab ada-nya 200 jawatan kosong mula tahun 1969 ini maka sa-saorang doktor yang harus di-lantek tidak-lah sa-mesti-nya menanti beberapa hari sa-belum ia-nya di-lantek.

Kami telah pun ada sa-bilangan Houseman, ia-itu doktor pelateh, yang menanti daripada satu masa ka-satu masa sa-belum mereka di-lantek sa-bagai House Doctor. Ini ada-lah di-sebabkan bilangan jawatan Houseman yang di-untokkan 130 itu telah penoh dan sa-kira-nya bilangan ini di-tambah maka kebenaran terlebih dahulu hendak-lah di-perolehi daripada Universiti. Berkenaan dengan ini Kementerian ini akan mengambil tindakan supaya menambahkan lagi bilangan jawatan Houseman supaya semua yang menanti akan dapat di-ambil seluroh-nya.

Yang Berhormat itu juga telah menyentuh tentang tambahan doktor sa-banyak 45 orang lagi dalam tahun 1969. Ini ada-lah tidak benar, oleh kerana tambahan doktor pelateh (Houseman) keselurohan-nya pada tahun 1969 ia-lah sa-banyak 130 orang. Saperti biasa sa-bilangan yang besar doktor itu akan berhenti dan dengan ini kita akan ada lebeh kurang 200 jawatan yang kosong pada tahun 1969. Saya memberi jaminan kapada Ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada terdapat lagi doktor² yang menanti untuk di-lantek bagi tahun 1969.

Berkenaan dengan Pegawai Pergi-gian, Ahli Yang Berhormat itu telah berchakap ia-itu tidak memadai 10 orang bilangan-nya. Ada sa-banyak 40 jawatan yang kosong yang tidak dapat di-isikan dalam tahun 1968. Jumlah permohonan Pegawai² Pergi-gian ada-lah terhad dengan keadaan kekosongan ini dan tidak dapat di-isikan.

Berkenaan dengan Pembantu Rumah Sakit tidak di-tambah, ini telah saya terangkan tadi, ia-itu walau pun tidak ada tambahan di-tunjukkan berkenaan jawatan Pembantu Rumah Sakit di-dalam perenggaran tahun ini, oleh kerana sa-bilangan 90 Pembantu Rumah Sakit maseh dalam latehan

ada-lah di-jangka keluar dalam tahun ini, dan mereka akan di-hantar ke-s semua Hospital untuk memenohi sa-bilangan 200 jawatan yang kosong pada masa ini di-dalam Kementerian saya; oleh yang demikian ada-lah di-jangka tidak mustahak untuk mewujudkan beberapa jawatan tambahan bagi tahun ini.

Berhubung dengan chadangan bagi menambahkan jawatan Jururawat juga, saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa buat masa ini sa-bilangan 480 jawatan semua peringkat Jururawat maseh kosong. Ada-lah di-jangka sa-banyak 350 jawatan akan di-isi oleh mereka² yang telah di-lateh serta juga beberapa permohonan² yang mengikuti latehan di-seberang laut maka ada-lah di-jangka tidak mustahak-nya mengadakan tambahan kepada jawatan ini. Jawatan yang kosong bagi Pembantu Jururawat buat masa ini, ada-lah lebih kurang 362 orang dan sa-bilangan daripada jawatan ini, ia-itu sa-banyak 170 jawatan, akan dapat di-penohi. Oleh yang demikian juga Kementerian berpendapat tidak-lah mustahak di-tambah-lagi jawatan-nya.

Berkenaan dengan Bidan, buat masa ini kosong sa-banyak 205 jawatan dan sa-bilangan 110 jawatan sahaja yang di-jangka akan dapat di-penohi. Oleh yang demikian tidak-lah mustahak jawatan Bidan di-tambah lagi.

Berkenaan dengan paediatrician atau pakar kanak², Ahli Yang Berhormat mengshorkan supaya jawatan Senior Paediatrician atau pun Pakar Kanan Kanak² ini di-naikkan pangkat Superscale G atau pun Superscale F. Kementerian saya pada masa ini sedang mengkaji di-dalam perkara kenaikan pangkat² pakar² serta juga mengadakan jawatan² tambahan.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyatakan bahawa elauⁿ kepada orang² sakit yang bekerja di-Rumah Sakit Kusta dan T.B. telah di-potong. Akan tetapi apa yang sa-benar-nya berlaku ia-lah peruntukan di-bawah Pechahan-kepala ini telah bertambah sa-banyak \$16,230—peruntukan bagi tahun 1968 sa-banyak \$625,428 itu termasuk-lah peruntukan bagi negeri

Sarawak, wal hal dalam peruntukan tahun 1969 ini peruntukan bagi negeri Sarawak telah di-tunjokkan di-barisan yang lain, Pechahan-kepala 39 sa-banyak \$23,000. Dan berkenaan dengan pegawai² atau pun kakitangan² dalam Rumah Sakit Kusta itu, langkah² sedang di-ambil oleh Kementerian Kesihatan ka-atas Jururawat² itu dan perkara ini maseh dalam pertimbangan.

Ahli Yang Berhormat itu juga berchakap berkenaan dengan bayaran yang di-kenakan kepada pesakit² yang masok ka-Lady Templer Hospital. Saya suka menyatakan di-sini bahawa Rumah Sakit Lady Templer itu ia-lah sa-buah rumah sakit ber-sendirian, dan di-kehendaki menchari jalan untuk menambahkan perolehan rumah sakit itu bagi menambah kepada peruntukan yang di-terima daripada Kementerian Kesihatan sa-banyak \$500,000 tiap² tahun.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu-Jempol telah berchakap berkenaan dengan ranchangan mem-basmi malaria. Sa-bagaimana Tuan Pengerusi sedia ma'alum, ia-itu Kementerian Kesihatan telah pun melancharkan satu ranchangan kebangsaan membasmi malaria sa-lama 10 tahun yang akan memakan belanja sa-banyak lebih kurang \$85 juta. Jadi, pada hari ini ranchangan itu telah berjalan dengan pesat-nya di-utara Tanah Melayu, ia-itu di-Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Sa-telah selesai ranchangan itu akan berjalan di-utara Perak, Kelantan, Trengganu dan saterus-nya Pahang dan lain² sa-hingga sampai ka-Negeri Sembilan di-tempat Ahli Yang Berhormat itu sendiri. Ahli Yang Berhormat itu juga mengeshorkan ia-itu Kerajaan Negeri hendak-lah mengambil langkah bekerjasama dengan pehak Kerajaan Pusat ia-itu Kementerian Kesihatan supaya pokok² dan sa-bagai-nya ditebang menjaga bagi kawasan kebersehan sa-keliling. Saya suka memberi tahu kepada Ahli Yang Berhormat ia-itu Kementerian Kesihatan telah pun melancharkan satu projek yang di-namakan Ranchangan Kebersehan Sekeliling—environmental sanitation—di-sabelas daerah dan di-sabelas negeri, ia-itu tiap² negeri satu daerah.

Ini akan memberi kesan yang baik kepada penduduk² untuk meninggikan taraf kesihatan mereka khas-nya yang tinggal di-luar² bandar.

Ahli Yang Berhormat juga berchakap berkenaan dengan sampah sarap, tin dan tong, yang banyak terdapat di-bandar² yang kecil. Kementerian Kesihatan tidak boleh berbuat apa² oleh sebab Majlis² Tempatan itu ada Majlis-nya sendiri, ada pengerusi-nya sendiri, ada ahli² meshuarat-nya sendiri, jadi terpaksa-lah mereka itu mengambil inisiatif sendiri, tetapi walau bagaimana pun Kementerian Kesihatan akan berhubung dengan Pegawai² Kesihatan yang bekerja di-Majlis² Tempatan supaya mengambil tindakan di-dalam soal ini.

Ahli Yang Berhormat itu telah berchakap berkenaan dengan ladang² yang di-pechahkan ia-itu fragmentation of estates; dan rumah² sakit itu terbiar. Ini memang-lah Kementerian Kesihatan sedang mengambil perhatian dalam soal ini, dan Ahli Yang Berhormat itu juga meminta di-jadikan Rumah Sakit di-Bahau. Suka-lah saya memberi tahu Ahli Yang Berhormat ia-itu Rumah Sakit Kuala Pilah tidak berjauhan dengan tempat Ahli Yang Berhormat itu dan saya suka menarek perhatian Ahli Yang Berhormat yang lain berkenaan dengan soal rumah sakit ini.

Kementerian Kesihatan ada-lah berpendapat ia-itu kesihatan ra'ayat adalah paling penting sa-kali. Jadi pada hari ini pehak Kementerian Kesihatan sedang melancarkan beberapa projek, beberapa ranchangan di-dalam kawasan² luar bandar dengan tujuan untuk meninggikan lagi kesihatan penduduk² luar bandar. Kerana, Tuan Pengerusi, pada masa ini ada lebih daripada 15 juta orang pada tiap² tahun yang datang di-pusat² kesihatan, dispensary² yang bergerak dan ta' bergerak dan juga rumah² sakit sa-bagai orang sakit luar (out-patient) dan orang² yang masuk hospital atau rumah sakit pada tahun 1967 lebih daripada 450,000, tahun 1968 hampir² 470,000 orang yang masuk rumah sakit. Jika kita bandingkan ia-itu di-dapati sa-kira-nya penduduk² di-beri latehan tunjok ajar bagaimana hendak men-

jaga kesihatan maka ta' payah-lah kita dirikan banyak lagi rumah² sakit, kerana hendak mendirikan rumah² sakit itu ada-lah memakan belanja yang besar tetapi mengikut pendapat pakar² bukan pakar² dalam negeri kita sahaja tetapi pakar² daripada Pertubohan Kesihatan Sa-dunia, di-dapati ada-lah lebih mustahak mengutamakan ranchangan² kesihatan khas-nya ranchangan kesihatan luar bandar.

Permohonan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan ambulan ini pun satu dasar Kementerian Kesihatan tidak menempatkan ambulan² di-pusat² kesihatan sama ada pusat kesihatan besar atau pusat kesihatan kecil, kerana *Land Rover* boleh juga di-gunakan sa-bagai ambulan dan juga di-gunakan untuk lain².

Ahli Yang Berhormat dari Kuantan berchakap berkenaan dengan latehan doktor² pelateh. Untuk di-jadikan Teaching Hospital mesti-lah mendapat kelulusan daripada Universiti Hospital. Kuantan Hospital tidak termasuk di-dalam ini. Pertimbangan akan di-beri oleh Kementerian mengadakan rumah sakit di-jajahan itu apabila ranchangan di-Jengka Triangle telah di-bena. Pada masa ini telah ada sa-buah pusat kesihatan di-Jerantut dengan kakitangan² yang cukup.

Berkenaan dengan Klinik Pergigian di-Kuala Lumpur itu burok, ini suka-lah saya beritahu ia-itu 4 buah kelinik yang baharu akan di-bena di-dalam Jajahan Kuala Lumpur supaya banyak penduduk² di-sekitar-nya mendapat rawatan pergigian. Jikalau sa-buah bangunan yang baharu sahaja di-bena di-Kuala Lumpur tiada mendapat munafa'at.

Yang Berhormat juga telah berchakap berkenaan dengan polisi Kementerian berkenaan dengan pertukaran pegawai² di-Pantai Timor. Kementerian Kesihatan telah pun membuat satu dasar, polisi, bukan sahaja kepada pegawai² tingkatan saperti doktor² gigi atau doktor² biasa, tetapi juga kakitangan² dalam Division II dan III. Mereka akan di-tempatkan tidak lebih daripada tiga tahun, itu pun kalau sa-kira-nya mereka berdiam

sahaja kita tidak akan tukarkan dan kalau sa-kira-nya mereka itu minta sa-lepas tiga tahun kita akan tukarkan balek ka-Pantai Barat.

Yang Berhormat itu juga berchakap berkenaan dengan banyak doktor pergigian yang telah meletakkan jawatan kerana tidak puas hati di-atas pertukaran dan juga di-atas polisi ini. Perletakan jawatan oleh Pegawai Pergigian ada-lah kebanyakan-nya mereka tidak bersetuju di-tempatkan di-luar² bandar, ini ada-lah benar. Perkhidmatan pergigian ada-lah di-dalam ranchangan² membesarkan perkhidmatan-nya lagi pada tahun yang akan datang. Perkara *chloridation*, ini suka saya beritahu ia-itu kita tidak dapat adakan di-luar² bandar oleh sebab tidak dapat di-laksanakan kerana lebeh daripada 60% bekalan ayer di-negeri Malaysia ini ia-lah di-dapati daripada sungai² yang tidak boleh di-chloridekan.

Berkenaan dengan jawatan tingkatan-tertinggi bagi pegawai² Pergigian ini, Kementerian sedang mengadakan pertimbangan dalam perkara ini dan sedang mengambil perhatian dan mengadakan pertimbangan yang sawajar-nya bagi Pegawai² Pergigian ini. Berkenaan dengan pesakit² Orang Asli, ia-itu kenapa-kah di-Gombak ini tidak ada orang sakit lain, hanya di-tempatkan Orang² Asli sahaja. Sa-bagaimana Tuan Pengerusi sedia ma'alum, Orang² Asli itu apabila di-masoki ka-rumah sakit, sa-orang pesakit itu akan bawa anak isteri dan famili-nya turut sama dan juga pesakit² itu tidak suka makan barang², benda² yang di-masak di-rumah sakit. Mereka suka masak sendiri, maka sebab itu-lah Rumah Sakit Gombak itu tempat yang sesuai bagi Orang² Asli, dan di-buat khas untuk mereka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Jitra-Padang Terap berchakap berkenaan dengan mayat orang Islam yang terbiar, tak dapat bawa balek mayat dari tempat² yang jauh oleh sebab penderitaan atau kesusahan orang yang tinggal di-luar bandar dan juga minta supaya di-adakan Pegawai² Kebajikan Masha-rakat untuk menguruskan hal² mayat orang Islam di-rumah sakit. Ini, saya

suka bagi tahu, ia-itu di-semua rumah² sakit ia-itu termasuk 10 Rumah Sakit Umum dan 55 Rumah Sakit Daerah telah kita adakan tempat² yang khas atau bilek yang khas untuk mayat² orang Islam; dan berkenaan dengan kakitangan, untuk bekerja di-tempat² simpan mayat atau mortuary, kita tak dapat mengambil sa-orang pun dari-pada orang Islam, kerana mereka itu tak tertarek hati hendak bekerja sa-bagai attendant di-mortuary, di-tempat simpan mayat, dan berkenaan dengan ambulan, Tuan Pengerusi, ini ada-lah satu Perjanjian Antara Bangsa yang tak boleh di-gunakan ambulan itu membawa mayat, jadi ambulan ini ada-lah di-khaskan untuk membawa orang sakit dan bukan-lah mayat. Jadi, sa-kira-nya Puan Yang Berhormat itu berkehendakkan kenderaan untuk membawa mayat, ada negeri² yang saya tahu, Pulau Pinang mithal-nya dan banyak negeri² lain lagi yang di-sediakan oleh Jabatan Ugama Islam atau Kerajaan Negeri satu kenderaan untuk membawa mayat² orang Islam yang mati di-rumah sakit. Di-Kuala Lumpur ini juga ada satu badan yang di-pengerusikan oleh Allah-yarham Tuan Speaker Negeri Selangor dahulu, tetapi sekarang saya tak tahu siapa yang menjadi pengerusi-nya, apabila sa-saorang Islam itu meninggal di-rumah sakit, tiap² sa-orang pegawai itu tahu kapada siapa-kah patut perkara ini di-beri tahu. Jadi biasa-nya kapada Pengerusi, dan Pengerusi akan berhubung dengan Ahli Jawatan Kuasa-nya dan mereka akan menguruskan mayat ini. Yang saya katakan ini ia-lah mayat yang tidak mempunyai warith. Berkenaan dengan rumah sakit, Puan Yang Berhormat itu minta supaya di-adakan rumah sakit di-kawasan beliau. Saya suka bagi tahu, ia-itu penduduk² kawasan ini boleh mendapat rawatan di-Pusat Kesihatan Kechil Kuala Narang dan ada 6 rumah bidan. Satu Pusat Kesihatan Kechil di-Kuala Narang, dan satu Pusat Kesihatan besar dengan doktor dan doktor gigi di-Jitra.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat berchakap berkenaan dengan pengambilan jururawat. Ini ada-lah bergantung kapada atoran perkhidmatan atau pun Scheme of

Service dalam mana sa-saorang itu di-kehendaki mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau sijil yang sama dengan-nya. Dan berkenaan dengan pengambilan Penolong Jururawat, ini juga bergantung kepada Scheme of Service, atoran perkhidmatan di-mana sa-orang itu di-kehendaki mempunyai pelajaran Darjah VI Sekolah Kebangsaan, ia-itu Sekolah Melayu dan boleh bertutor bahasa Inggeris—tak payah lulus sekolah Inggeris tetapi boleh bertutor. Dan Ahli Yang Berhormat itu juga menchadangkan supaya kursus² di-beri kepada belia² berhubung dengan latehan untuk menun-jukkan latehan² kebersehan dan sebagai-nya, saya suka bagi tahu dan saya ucapkan berbanyak terima kaseh kepada Persatuan Belia Kebangsaan yang telah pun mengambil bahagian di-dalam Rancangan pada tahun yang lalu, ia-itu Tahun 1968, dalam Rancangan Gerak Maju, ia-itu dalam aspek Kesihatan, dan pehak Kementerian Kesihatan bersama² dengan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah pun mengadakan pertandingan di-Peringkat Kebangsaan, Peringkat Negeri dan Peringkat Daerah, dan saya ingat tentu-lah Ahli Yang Berhormat itu maseh ingat, ia-itu di-Stadium Negara segala hadiah² itu telah di-sampaikan. Jadi ini menun-jukkan belia² selalu berdamping rapat dengan Kementerian Kesihatan dan mengambil peranan yang penting dalam masaalah kebersehan dan lain².

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah berchakap berkenaan dengan Ward No. 3, sempit dan lain² lagi, supaya di-perbesarkan Rumah Sakit Daerah Batu Gajah. Perkara ini Kementerian akan mengambil perhatian dan akan di-perbaiki di-mana yang patut dan mustahak; begitu juga berkenaan dengan kekurangan doktor² dan jururawat bukan sahaja di-hospital Batu Gajah tetapi dalam ucapan² yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat, kebanyakan meminta kakitangan di-perbanyakkan lagi di-rumah² sakit. Bagaimana Tuan Pengerusi ma'alum, ia-itu Pegawai² Rumah Sakit ini terpaksa menjalani latehan, ia-itu 3 tahun 4 bulan bagi Jururawat, 2 tahun lebeh untuk Peno-

long Jururawat, Pembantu Rumah Sakit pun 3 tahun lebeh dan doktor 6 tahun, jadi ini-lah masaalah yang tak dapat kita memenohi. Masaalah doktor ini ada-lah satu masaalah yang besar kerana membandingkan dengan hampir dua ribu doktor² yang ada dalam negeri kita, hanya 700 lebeh sahaja yang berkhidmat dengan Kerajaan, yang lain itu ada-lah menjalankan perniagaan-nya sendiri. Dan berkenaan dengan kakitangan yang lain tidak-lah ada mereka yang berhenti kerja melainkan mereka akan masok Universiti atau pun masok dalam badan Peranchang Keluarga.

Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson juga menguchapkan terima kaseh, sa-lain daripada itu beliau juga telah pun meminta supaya di-banyakkan lagi pegawai² di-Rumah Sakit Port Dickson. Suka saya bagi tahu sungguh pun ada dua orang doktor di-sana, sa-orang lagi doktor akan di-tempatkan di-sana pada bulan Mach, ia-itu sa-telah doktor itu tamat latehan. Berkenaan dengan out-patient tempat ambil ubat luar di-Port Dickson itu bukan-lah begitu lama, hanya di-bena dalam dua atau tiga tahun yang lalu. Pehak Kementerian tak dapat tambah lagi kerana tempat² lain ada lagi yang lebeh mustahak.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah berchakap panjang lebar berkenaan dengan konon-nya oleh sebab Kerajaan Perikatan ini memerintah, bilangan orang gila bertambah, orang sakit cancer bertambah, penyakit itu bertambah, penyakit ini bertambah, tetapi pada pendapat² pakar² dan pendapat saya sendiri, saya patut terima kaseh pada ra'ayat khas-nya pendudok² luar bandar yang telah pun menyambut baik rancangan² perkhidmatan kesihatan, kerana pada masa dahulu orang kampong tidak mahu pergi ka-rumah sakit, tidak mahu pergi ka-klinik sama ada Pusat Kesihatan Besar atau kechil, jadi, kita tak tahu berapa ramai bilangan mereka itu, tetapi oleh sebab keperchayaan kepada Kerajaan Perikatan, keperchayaan kepada Kementerian Kesihatan yang telah berikhtiar bersungguh² hendak meninggikan taraf kesihatan

mereka, mereka itu telah tampil menghadapi mengambil peluang dan melawat Pusat² Kesihatan supaya doktor² dapat memeriksa mereka itu, apa-kah mereka itu mengidap, sama ada penyakit otak atau penyakit² yang lain². Berkenaan penyakit otak ini, Tuan Pengerusi, ada bermacam² penyakit otak. Bukan-lah yang ada tiga ribu orang, hampir tujuh ribu orang yang ada, bukan-lah semua penyakit otak biasa. Ada penyakit otak itu sebab gila pangkat, ada sa-tengah itu gila harta, ada sa-tengah itu, minta ma'af, Tuan Pengerusi, gila perempuan, ada gila hendak jadi chalun. Jadi, pada masa ini, saya rasa, Tuan Pengerusi, ta' dapat tidak dalam satu dua bulan ini, saya perchaya bilangan orang sakit otak akan bertambah. Ini pada kajian bukan saya, tetapi pakar² sakit otak mengatakan harus banyak lagi orang yang sakit otak ini oleh sebab pilehan raya akan datang, satu itu hendak jadi chalun, satu itu hendak tahu sama ada menang atau tidak. Dengan sebab fikiran ini-lah banyak orang kalau ta' masuk Tanjong Rambutan pun barang-kali terpaksa pergi jumpa doktor² untuk mendapat ubat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya tidak hendak mengganggu Menteri menjawab, tetapi saya *interested* dalam satu point, ia-itu apa-kah sa-makin sa-buah negara atau masyarakat itu advance dan develop sa-makin banyak kerusingan masyarakat, maka bilangan orang yang diserang penyakit bertambah banyak, atau pun apa yang di-jawab tadi ini sa-bagai menjawab kepada Wakil Bachok sahaja, saya hendak itu neracha-nya itu. Saya tidak menyerang bagitu sahaja, saya hendak tahu sebab ada pendapat mengatakan sa-makin maju sa-buah negara itu sa-makin banyak urusan dia—komplex—dan sa-makin banyak orang sakit otak. Ada-kah Kementerian ini perchaya kepada kaedah atau criterion ini?

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya rasa kalau Ahli Yang Berhormat itu tengok statistics atau perangkaan² daripada Kementerian Kesihatan atau pun daripada negeri² luar saya dapati kalau satu² negeri itu maju sa-bagaimana Amerika itu jena-

yah makin bertambah, orang sakit otak makin bertambah; tetapi apa yang saya sebutkan tadi, ada-lah menunjukkan negeri kita sudah maju, dan penduduk² yang dahulu-nya tidak perchaya kepada perkhidmatan kesihatan, ia-itu perubatan chara Barat, atau western medicine, sekarang mereka itu telah tampil dan sambut baik, dan kita dapat tahu bilangan orang sakit Tibi itu banyak, bilangan orang sakit cancer itu banyak—oleh sebab mereka itu telah pun di-pereksa "detection", oleh doktor, dan ini menunjukkan negeri kita maju, mereka itu telah perchaya kepada ranchangan² yang dibuat dan Pegawai² Kementerian Kesihatan bekerja kuat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan chalun² tadi, ada-kah ini di-sebutkan di-atas statistics yang di-siasat atau pun berdasarkan pengalaman Menteri ini?

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya katakan tadi, berkenaan dengan gila, oleh sebab Ahli Yang Berhormat itu sebut perkataan gila; jadi sa-bagai Ahli Saikoloji saya berpendapat ada berbagai² dan bermacam² gila. Salah satu daripada gila ini saperti yang saya katakan, ada yang hendak menjadi chalun, dan sa-bagai-nya. Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu berchakap

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, ada-kah Yang Berhormat Menteri statistics menunjukkan beberapa orang di-kawasan Bachok yang sudah gila sekarang?

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, kita belum buat analisa lagi, tetapi nampak²-nya harus ada di-kawasan Bachok itu. Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu juga bertanya berkenaan, dengan Sekolah Pergigian. Saya tidak tahu sama ada Ahli Yang Berhormat itu maksud mesti di-adakan Sekolah Pergigian atau Fakulti Pergigian. Sekolah Pergigian memang ada di-Pulau Pinang yang kita melateh Jururawat bukan sahaja dari Malaysia tetapi termasuk Sabah dan Sarawak,

Hongkong, Brunei, dan dari Negara² Afrika. Tetapi yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya fikir tentu-lah Fakulti Pergigian, ini ada dalam ucapan Yang Berhormat Menteri ia-itu Kementerian Kesihatan sedang menimbang dengan teliti-nya perkara ini.

Berkenaan dengan *statistics* pada pagi tadi, berkenaan dengan sa-orang doktor, 15,000 lebih penduduk² di-Kelantan, ini saya fikir tidak payah di-jawab oleh sebab ada dalam jawapan bertulis bilangan 30. Ada di-dalam-nya sebab²-nya yang bilangan penduduk² dengan doktor itu begitu tinggi 15,000 lebih. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu, bacha muka . . . saya tidak ingat muka apa, tetapi telah pun terchatit di-dalam-nya. Berkenaan dengan penyakit V.D. Yang Berhormat itu barangkali menyangka di-bawa masuk oleh Ashkar Amerika dan lain². Ini ada-lah penyakit biasa, Tuan Pengerusi, kita tidak tahu dari mana datang-nya penyakit V.D. ini, tetapi penyakit ini tidak-lah membahayakan oleh sebab kita ada doktor² pakar dan ubat² yang moden untuk mempertahankan penyakit ini.

Ahli Yang Berhormat itu berchakap berkenaan dengan Peranchang Keluarga. Saya tidak mahu menjawab, oleh sebab itu bukan-lah dalam Kementerian Kesihatan. Pengerusi-nya ia Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri. Ahli Yang Berhormat itu berasa kechewa oleh sebab Kementerian Kesihatan tidak membena sa-buah Pusat Kesihatan di-Bachok; untuk menjawab-nya Bachok telah ada sa-buah Pusat Kesihatan kecil dan jika sa-kira-nya apa yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat meminta Kementerian mengadakan Sick Bay atau pun Rumah Sakit yang kecil yang di-kembarkan dengan Pusat Kesihatan itu. Kementerian ini akan menimbangkan apakala sampai masa-nya Pusat Kesihatan kecil ini di-jadikan pusat Kesihatan besar.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, sebab-nya bagini,

saya telah berkira dengan pehak yang berkenaan kita sudah mendapat tanah hendak membuat dengan persetujuan daripada Kementerian Kesihatan. Jadi, sekarang tanah itu sudah dapat dan binaan rumah lain pun kita tanggohkan, tetapi Kementerian ini maseh menjawab bila sampai masa-nya, saya pun tidak tahu, boleh jadi sa-lepas Election saya tidak ada lagi di-situ. (*Ketawa*).

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Jadi, apabila tiba masa-nya ia-itu berkehendakan penyiasaan, kewangan dan lain² faktor lagi, chadangan Ahli Yang Berhormat itu akan di-ambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Barat berchakap berkenaan dengan Tabong Darah. Peruntukan tahun 1969—\$49,000, ia-itu \$500 kurang daripada tahun 1968, dan banyak juga Ahli² yang berchakap berkenaan dengan Tabong Darah ini. Suka-lah saya memberi tahu ia-itu Kementerian saya telah pun menubuhkan sa-buah Majlis Perkhidmatan Pemindahan Darah Kebangsaan yang berlangsung pada 13 haribulan sudah, dan akan di-adakan pula lagi sa-kali pada 20 haribulan yang akan datang ini, dan perkara² bersabit dengan menggalakkan lebih banyak lagi penderma² darah menyamakan jenis² pingat dan lain² intensive akan di-ikhtiarkan oleh Majlis ini. Berkenaan dengan Rumah Sakit Umum Johor Bahru hanya ada empat buah ambulan sahaja Ahli Yang Berhormat

Tuan Pengerusi: Masa sudah chukup Meshuarat bersidang sa-mula.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya ma'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan tahun 1969 telah sampai kapada Kepala 27 dalam Jadual Rang Undang² ini. Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10 pagi esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.